# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN UTeM



## TAHUN 2016

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




# PERPUSTAKAAN UTeM

## LAPORAN TAHUNAN 2016

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khasnya dan negara amnya . Perpustakaan UTeM berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah dan Kampus Teknologi. Selaras dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai Universiti Teknikal, Perpustakaan UTeM mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna.. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah melebihi 110, 581 judul bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan UTeM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN



**Ketua Pustakawan**
FARIDAH BINTI HJ MD AMIN



**Timbalan KetuaPustakawan**
ARMAN BIN MOHAMMAD


اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Timbalan KetuaPustakawan**
AZMAN BIN HJ AYUP



**Timbalan Ketua Pustakawan**
SITI SALUWA BINTI JAMAL

# STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Perpustakaan UTeM adalah merangkumi Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar dan Kampus Teknologi. Struktur organisasi Perpustakaan UTeM diterajui oleh Ketua Pustakawan dan dibantu oleh 3 Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 4 bahagian dan 35 unit kecil yang diketuai oleh Ketua Bahagian.

Rujuk :
http://library.utem.edu.my/images/PDF/CARTA-ORGANISASI-PERPUSTAKAAN-280717.xls

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# VISI

Menjadi pusat maklumat yang terunggul, komprehensif dan kompetitif dalam bidang teknikal.

# MISI

Menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

# OBJEKTIF

- Memenuhi keperluan maklumat Universiti dengan menyediakan sumber yang
- menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.
- Menyedia dan mempromosi perkhidmatan maklumat kepada pelanggan.
- Meningkatkan kecekapan penyebaran ilmu dan maklumat kepada pelanggan.
- Memupuk budaya ilmu di kalangan warga UTeM dan luar UTeM sebagai
- masyarakat berpengetahuan.
- Membentuk warga Universiti berfikiran kreatif dan inovatif dalam melahirkan ahli profesional yang berketrampilan seiring dengan misi UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Perpustakaan UTeM berjanji dan beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.

# PENCAPAIAN 2016




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BAHAGIAN PENTADBIRAN

## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan UTeM terdiri daripada Bangunan Perpustakaan Kampus Induk, Bangunan Perpustakaan Kampus Cawangan Bandar dan Kampus Teknologi. Jumlah keseluruhan staf Perpustakaan UTeM sehingga tarikh 31 Disember 2016 adalah seramai 70 orang.




Bangunan Perpustakaan Kampus Induk mempunyai 64 orang staf, manakala 3 orang staf ditempatkan di Kampus Cawangan Bandar dan 3 orang staf lagi ditempatkan di Kampus Teknologi.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## SENARAI NAMA STAF PERPUSTAKAAN

| BIL | NAMA | Jawatan | NO. STAF | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lela Binti Omar | Setiausaha Pejabat | 00020 | |
| 2 | Muhammed Rashid Bin Mat Derus | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00051 | |
| 3 | Khairunnisa Binti Abdullah | Pem. Pustakawan | 00052 | |
| 4 | Ahmad Bin Abu Bakar | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00057 | |
| 5 | Norfahrizan Binti Juhari | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00066 | |
| 6 | Noor Rahman Jamiah Bin Jalil | Pem. Pustakawan Kanan | 00067 | |
| 7 | Siti Saluwa Binti Jamal | Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan Kanan | 00068 | |
| 8 | Zulkarnaen Bin Mahat | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00086 | |
| 9 | Rasida Binti Abu Bakar | Pustakawan Kanan | 00203 | |
| 10 | Sabariah Binti Ismail | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00221 | |
| 11 | Arman Bin Mohammad | Timbalan Ketua Pustakawan | 00225 | |
| 12 | Mi Azian Binti Ab. Karim | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00226 | |
| 13 | Nor Aini Binti Md Jali | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00233 | |
| 14 | Norhairol Bin Khalid | Pem. Pustakawan Kanan | 00235 | |
| 15 | Azman Bin Hj. Ayup | Timbalan Ketua Pustakawan | 00256 | |
| 16 | F Haslinda Binti Harun | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00286 | |
| 17 | Muaat Bin Muji | Pembantu Operasi | 00443 | |
| 18 | Nazaruddin Bin Md Yunus | Penolong Akauntan | 00506 | |
| 19 | Mahadir Bin Che Ali | Pustakawan Kanan | 00530 | |
| 20 | Fauziah Binti Hassan | Pustakawan Kanan | 00536 | |
| 21 | Nik Nur Hazlinda Binti Nik Mohd Yusoff | Pembantu Tadbir | 00547 | |
| 22 | Rohana Binti Hashim | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00623 | |
| 23 | Nik Syukran Muiz Bin Rashid | Pem. Pustakawan | 00624 | |
| 24 | Norfazlin Binti Tambi Chek | Pem. Pustakawan Kanan (KUP) | 00627 | |
| 25 | Kamariah Binti Kamis | Pem. Pustakawan Kanan | 00652 | |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 26 | Norziyana Binti Hanipah | Pembantu Tadbir Kanan (KUP) | 00654 | |
| 27 | Mohd Syahrizal Bin Mohd Razali | Pem. Pustakawan | 00826 | |
| 28 | Nooraidillah Binti Rasdi | Pem. Pustakawan | 00862 | |
| 29 | Mohd Ikbar Bin Abdul Jabar | Penolong Jurutera | 00884 | |
| 30 | Jumakyah Binti Yacoob | Pem. Pustakawan Kanan | 01007 | |
| 31 | Nurul Akmar Binti Mehat | Pustakawan Kanan | 01170 | |
| 32 | Muhammad Afiz Bin Ahmad | Pem. Pustakawan | 01173 | |
| 33 | Mohd Mawardi Bin Badruddin | Pustakawan Kanan | 01177 | |
| 34 | Ruszaide Bin Mohamad | Pembantu Operasi | 01408 | |
| 35 | Noridayu Binti Baharom | Pembantu Akauntan | 01414 | |
| 36 | Noraini Binti Mohd Noor | Pustakawan | 01506 | |
| 37 | Hasliza Binti Mohamed | Pustakawan | 01507 | |
| 38 | Harulrizam Bin Mohamed | Pustakawan | 01510 | |
| 39 | Wizana Binti Abdul Jalil | Pustakawan | 01516 | |
| 40 | Mohamad Rashid Bin Jantan | Pustakawan | 01520 | |
| 41 | Suhaizri Bin Kamaruddin | Pem. Pustakawan | 01558 | |
| 42 | Thaqif Bin Mohd Isa | Pem. Pustakawan | 01560 | |
| 43 | Khairul Redzwan Bin Md Ali | Pem. Pustakawan | 01561 | |
| 44 | Mohd Siddiq Azizi Bin Jais | Pem. Pustakawan | 01562 | |
| 45 | Suzana Binti Lazim | Pem. Pustakawan | 01565 | |
| 46 | Siti Syahirah Binti Ab Rahim | Pem. Pustakawan | 01573 | |
| 47 | Shazley Bin Sahibuddin | Pem. Pustakawan | 01581 | |
| 48 | Azman Bin Amir | Penolong Pustakawan | 01619 | |
| 49 | Mohd Nazir Bin Taib | Pem. Pustakawan | 01633 | |
| 50 | Muhamad Hafeez Bin Zainudin | Penolong Pustakawan | 01638 | |
| 51 | Zaidi Bin Saad | Pustakawan | 01639 | |
| 52 | Zuraidah Binti Amar | Penolong Pustakawan | 01643 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 53 | Arjunaidy Bin Demek | Penolong Pegawai Tadbir | 02058 | |
| 54 | Mohd Zulfadhli Bin Razaly | Pem. Pustakawan | 02072 | Cuti tanpa gaji sehingga 2018 |
| 55 | Ahmad Tarmizi Bin Abdul Hadi | Pem. Pustakawan | 02073 | |
| 56 | Hafizah Binti Mohamad | Pem. Pustakawan | 02076 | |
| 57 | Mohd Hannif Bin Jamaludin | Pem. Pustakawan | 02086 | |
| 58 | Norfaradilla Idayu Binti Ab. Ghafar | Pem. Pustakawan | 02088 | |
| 59 | Eiisaa Bin Ahyead | Pem. Pustakawan | 02090 | |
| 60 | Mohd Razif Bin Dzulkipli | Pustakawan | 02115 | |
| 61 | Mez Zelina Binti Yusof | Pustakawan | 02129 | |
| 62 | Norshahila Binti Che Din | Pustakawan | 02130 | |
| 63 | Mohamad Tarmizi Bin Othman | Pem. Pustakawan | 02200 | |
| 64 | Mohamad Azhari Bin Johari | Pem. Pustakawan | 02346 | |
| 65 | Nur Azirah Binti Mohamad Arif | Pem. Pustakawan | 02347 | |
| 66 | Nor Ilyah Binti Othman | Pustakawan | 02517 | |
| 67 | Nor Ridzuan Bin S.Kasehan | Pem. Pustakawan | 01553 | Meninggal dunia pada 4 Julai 2016 |
| 68 | Mohd Tirmidzi Bin Abdullah | Pem. Pustakawan | 00930 | Berhenti kerja pada 18 November 2016 |
| 69 | Salleh Bin Mohd Nor | Pem. Pustakawan | 01574 | Berhenti kerja pada 1 April 2016 |
| 70 | Abdul Halim Bin Mokte | Pembantu Operasi | 00852 | Berpindah ke PPPK pada Januari 2016 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## LAPORAN KEWANGAN

### Bajet Komited

Perpustakaan UTeM telah diperuntukan sebanyak RM3,800,000.00 bajet komited pada tahun 2016 dengan mengambil kira tambah peruntukan sebanyak RM800,000.00 pada bulan September. Sebanyak RM2,977,662.22 telah dibelanjakan dan baki sebanyak RM822,337.78 telah dikembalikan kepada Pejabat Bendahari kerana tidak dapat dibelanjakan kerana perolehan tidak sempat dilaksanakan. Bajet komited ini adalah bagi menampung perolehan jurnal dan pangkalan data.

### Bajet Mengurus dan Bajet Rizab

Perpustakaan UTeM telah diperuntukan sebanyak RM 597,132.87 pada tahun 2016 dengan mengambil kira tambah peruntukan dan kurang peruntukan yang dilaksanakan. Peruntukan bajet mengurus dan bajet rizab adalah untuk menampung belanja operasi Perpustakaan UTeM termasuk pembelian buku rujukan.

Sehingga 31 Disember 2016 Perpustakaan UTeM telah membelanjakan sebanyak RM463,179.99 dan tanggungan sebanyak RM123,671.92. Baki bajet mengurus dan bajet rizab adalah berjumlah RM17,954.96. Secara keseluruhanya Perpustakaan UTeM telah membelanjakan sebanyak 98.28 % dari keseluruhan peruntukan bajet mengurus dan bajet rizab.

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Perolehan Aset dan Inventori**

Perolehan aset tahun 2016 adalah sebanyak RM57,442.00 bagi perolehan 3 unit aset manakala bagi inventori sebanyak RM13,300.13 telah dibelanjakan bagi perolehan 13 unit inventori.

# UNIT PERUBUNGAN AWAM DAN KHIDMAT MASYARAKAT

## PENGENALAN

Unit Perhubungan Awam Dan Khidmat Masyarakat baharu diwujudkan di bawah Bahagian Pentadbiran, Perpustakaan UTeM sejak Jun 2016. Peranan utama unit ini khusunya adalah bagi menyokong Tema 4 universiti ‘Memacu Komuniti-Industri’ dan mempromosikan kewujudan Perpustakaan UTeM kepada warga UTeM dan masyarakat sekeliling.

Unit ini turut bertanggungjawab dengan memaklumkan kepada Pejabat Pengurusan Dan Perhubungan Canselori (PPPC) untuk membuat hebahan bagi program Perpustakaan UTeM yang telah diadakan.

## OBJEKTIF

Bagi menjayakan unit ini selaras dengan menyokong Tema 4 universiti ‘Me
macu Komuniti-Industri’ antara objektif unit ini yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut :

3.1 Menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti serta mendekatkan diri dengan masyarakat.

3.2 Menampilkan dan menghayati ciri-ciri insan yang berakhlak mulia dan nilai kepustakawanan yang positif.

3.3 Merancang, melaksana, memimpin program, bekerjasama dan mengambil peranan secara aktif dalam kumpulan.

3.4 Memupuk semangat kecintaan terhadap budaya tolong-menolong, bantu-membantu sesama masyarakat serta berganding bahu dengan badan bukan kerajaan dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**FUNGSI UTAMA**

1. Merancang dan mengurus aktiviti yang berkaitan tiga (3) kali setahun :
   a. Program khidmat masyarakat di :
      - Sekolah
      - Masyarakat setempat
      - Agensi kerajaan
      - IPTA/IPTS
      - NGO

   b. Menjalinkan kerjasama dan hubungan baik dengan pihak luar serta membantu menguruskan lawatan.
      - Kementerian
      - Kerajaan tempatan
      - IPTA/IPTS
      - NGO
      - MoA
      - MoU
2. Merancang dan melaksanakan hebahan berkenaan aktiviti Perpustakaan melalui media massa.
3. Mengumpul dan menganalisa laporan bulanan bagi :
   - Aktiviti IPTA
   - Aktiviti MICE
4. Merancang dan menguruskan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kompetensi staf Perpustakaan melalui :
   - Perhimpunan Bulanan
   - Tazkirah

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## STAF

| No. | Nama | Jawatan | Bilangan |
|---|---|---|---|
| 1 | Mez Zelina binti Yusof | Pustakawan | 1 |
| 2 | Mohd Syahrizal bin Razali | Pembantu Perpustakaan | 1 |
| | Jumlah | | **2** |

## 1. Laporan Program Khidmat Masyarakat

Sejak tahun 2009, Perpustakaan UTeM telah melaksanakan program khidmat masyarakat. Ini adalah bagi menyokong 6 Teras Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu Tema 4 universiti 'Memacu Komuniti-Industri' melalui penganjuran program khidmat masyarakat bersama komuniti. Rajah 1 adalah perbandingan jumlah penganjuran program khidmat masyarakat pada tahun 2015 berjumlah 4 program. Manakala tahun 2016 terdapat penambahan program menjadikan 8 program.

**Rajah 1: Statistik Perbandingan Jumlah Program Khidmat Masyarakat Mengikut Tahun**




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Rajah 2 : Senarai Program Khidmat Masyarakat yang telah dijalankan pada tahun 2015 Dan 2016**

| Bil | Tarikh | Aktiviti | Organisasi |
|---|---|---|---|
| 1. | 20 Oktober 2014- 7 Januari 2015 | Festival Jom Membaca 2014 | Perpustakaan UTeM |
| 2. | 23 April 2015 | Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat UTeM | Kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka |
| 3. | 30 Mei 2015 | Program Khidmat Masyarakat 'Melestarikan Pusat Sumber'. | Sekolah Rendah Arab JAIM Tun Razak, Bukit Katil, Melaka |
| 4. | 8 Julai 2015 | Program 'Semarak Sadaqah Bertaut Ukhwah' 2015 Sempena Ramadhan 1436H. | 6 Keluarga Sekitar Daerah Jasin dan Melaka Tengah. |
| 5. | 2-4 Mac 2016 | 'Library Day' | Perpustakaan UTeM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | 6 Mac 2016 | Program Khidmat Masyarakat (Wujudkan Pusat Sumber Sekolah) | Madrasah Al-Qurra, Alor Gajah, Melaka |
| 7. | 8 Mac 2016 | Majlis Perasmian Perkhidmatan Baharu Perpustakaan UTeM | Perpustakaan UTeM |
| 8. | 25 April 2016 | Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat UTeM | Perpustakaan UTem |
| 9. | 21 Mei 2016 | Program Khidmat Masyarakat (Susun atur perabot dan bahan bacaan Pusat Sumber Sekolah) | SMK Tun Hj. Abdul Malek, Cheng, Melaka |
| 10. | 24-26 Mei 2016 | Pameran Perpustakaan Sempena Gegau Kampus Bandar | Kampus Bandar |
| 11. | 25 & 29 Jun 2016 | Program Khidmat Masyarakat 'Samarak Sadaqah Bertaut Ukhwah Siri 2' | 10 Penerima Sumbangan Sekitar Daerah Jasin dan Melaka Tengah. |
| 12. | 5 November 2016 | Program Khidmat Masyarakat Mengecat Mural Bersama MPP UTeM | Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Seri Pengasih Durian Tunggal, Melaka |

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## UNIT DASAR DAN KUALITI

Perpustakaan UTeM adalah ke arah menaiktaraf Pensijilan MS ISO 9001:2015 dengan skop pensijilan yang sama iaitu Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan. Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan telah menjalani aktiviti audit dan aktiviti yang perlu dipatuhi untuk memenuhi standard MS ISO 9001:2008 seperti berikut:

| TARIKH | AKTIVITI | PENCERAMAH/ AHLI PANEL |
|---|---|---|
| 14 Januari | Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar dan Kampus Teknologi | 1. Professor Madya Norhaziah binti Md Salleh<br>2. En. Khairi Amri bin Mohammad |
| 26 Januari | Penyerahan Laporan Penutupan NCR & OFI kepada SIRIM | Pn. Hajah Aine Jamaliah binti Mohamad Zain |
| 5 Mei | Mesyuarat Semakan Pengurusan Bil 1/2016 | Pn. Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan) & JKuasa dan Pemilik Proses |
| 7 & 8 September | Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Perpustakaan | 1. En. Azly Hisham bin Haron<br>2. Puan Laila Zahidah binti A. Rahman |
| 24 Oktober | Mesyuarat Semakan Pengurusan Bil 2/2016 | Pn. Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan) & JKuasa dan Pemilik Proses |
| 17 & 18 November | Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS | 1. Pn. Hajah Aine Jamaliah binti Mohamad Zain<br>2. En. Muhammad Fadhlullah bin Rahmat |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada tahun 2016 Perpustakaan tidak mengadakan Taklimat Kesedaran MS ISO 9001:2008, walaubagaimanapun pihak Dasar dan Kualiti telah mengedarkan risalah yang mengandungi maklumat MS ISO 9001:2008 kepada staf Perpustakaan.

## SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN (SPP)

Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperolehi bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM melalui kerjasama antara perpustakaan lain sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM. Selain itu juga, Perpustakaan ini juga menerima permohonan daripada Perpustakaan IPT lain bagi meminjam bahan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan UTeM.

**Jadual : Perbandingan SPP Yang Dibekalkan Tahun 2015 dan 2016**

| KATEGORI | | PERKARA | TAHUN 2015 | TAHUN 2016 | PENINGKATAN / PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|
| SPP BUKU | Permohonan UTeM dibekalkan Institusi Luar | Bilangan pemohon | 52 | 47 | -5 |
| | | Jumlah Buku | 52 | 83 | +31 |
| | | Buku dipenuhi | 50 | 70 | +20 |
| | Permohonan Institusi Luar dipenuhi Perpustakaan UTeM | Bilangan pemohon | 8 | 5 | -3 |
| | | Jumlah Buku | 8 | 5 | -3 |
| | | Buku dipenuhi | 8 | 5 | -3 |
| SPP ARTIKEL | Permohonan UTeM dibekalkan Institusi Luar | Bilangan pemohon | 200 | 251 | +51 |
| | | Jumlah Artikel | 472 | 568 | +96 |
| | | Artikel dipenuhi | 386 | 372 | -14 |
| | Permohonan Institusi Luar dipenuhi Perpustakaan UTeM | Bilangan pemohon | 45 | 73 | +28 |
| | | Jumlah Artikel | 45 | 158 | +113 |
| | | Artikel dipenuhi | 12 | 57 | +45 |
| SPP ARTIKEL LUAR NEGARA (BELIAN) | Permohonan UTeM dibekalkan Institusi Luar | Bilangan pemohon | - | 1 | +1 |
| | | Jumlah Artikel | - | 1 | +1 |
| | | Artikel dipenuhi | - | 1 | +1 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PERMOHONAN SPP BUKU

### i) Permohonan warga UTeM

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 83 permohonan buku diterima daripada warga UTeM dan 70 daripada permohonan buku tersebut berjaya dibekalkan oleh institusi luar berbanding pada tahun 2015 sebanyak 52 permohonan buku diterima daripada warga UTeM dan 50 daripada permohonan buku tersebut berjaya dibekalkan oleh institusi luar.

### ii) Permohonan Luar UTeM

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5 permohonan buku diterima daripada institusi luar dan 5 daripada permohonan buku tersebut berjaya dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM berbanding pada tahun 2015 sebanyak 8 permohonan buku diterima daripada institusi luar dan 8 daripada permohonan buku tersebut berjaya dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM.

## PERMOHONAN SPP ARTIKEL

### i) Permohonan warga UTeM

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 568 permohonan artikel diterima daripada warga UTeM dan 372 daripada permohonan artikel tersebut berjaya dibekalkan oleh institusi luar berbanding pada tahun 2015 sebanyak 472 permohonan artikel diterima daripada warga UTeM dan 386 daripada permohonan artikel tersebut berjaya dibekalkan oleh institusi luar.

### ii) Permohonan Luar UTeM

Pada tahun 2016, sebanyak 158 permohonan artikel diterima daripada institusi luar dan 57 daripada permohonan artikel tersebut berjaya dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM berbanding pada tahun 2015 sebanyak 45 permohonan artikel diterima daripada institusi luar dan 12 daripada permohonan artikel tersebut berjaya dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM.

**SPP ARTIKEL LUAR NEGARA (BELIAN)**

**i) Permohonan warga UTeM**

Pada tahun 2016, sebanyak 1 permohonan artikel berbayar diterima daripada warga UTeM dan permohonan tersebut telah diuruskan oleh Perpustakaan UTeM dan ianya berjaya dibekalkan oleh institusi luar. Bahan tersebut dibeli oleh seorang pembantu penyelidik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan daripada Airiti Library dengan harga TWD 2100 (RM252.50) melalui kaedah pemotongan vott penyelidikan.

**Statistik Permohonan Buku dan Artikel yang Dibekalkan oleh Institusi Luar UTeM**




**Rajah : Permohonan Buku dan Artikel yang Dibekalkan oleh Institusi Luar UTeM Tahun 2015 dan 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Statistik Permohonan Buku dan Artikel yang Dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM**




**Rajah : Permohonan Buku dan Artikel yang Dipenuhi oleh Perpustakaan UTeM Tahun 2015 dan 2016**

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA (PPP)

Program Pendidikan Pengguna adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan. Terdapat 4 modul yang disediakan iaitu :

i) Pangkalan Data Atas Talian
ii) WebOPAC dan Akaun Pengguna
iii) Turnitin
iv) Portal Perpustakaan, Kemudahan dan Perkhidmatan

Pada dasarnya program ini merupakan kelas yang wajib hadir kepada pelajar bagi memberi bimbingan dan panduan dari aspek pencarian maklumat dengan menggunakan pelbagai sumber rujukan yang terdapat di perpustakaan khususnya pangkalan data atas talian. Ia berkonsepkan kelas interaktif kerana pengguna berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dengan bimbingan Pustakawan di Bilik Pangkalan Data. Program ini terbuka kepada semua pengguna khususnya pelajar dan staf akademik baharu, pelajar tahun akhir dan penyelidik.

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 35 kelas PPP (Kategori umum) telah diadakan dengan kehadiran 1,343 peserta secara keseluruhan yang melibatkan (7 kelas: 289 pelajar Diploma, 25 kelas: 1039 pelajar Ijazah, 2 kelas: 7 pelajar Master, 1 kelas: 8 pelajar PhD). Manakala kelas untuk kategori GRA/SRA/RA adalah sejumlah 23 kelas dengan kehadiran 68 orang. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 58 **kelas** telah diadakan pada tahun 2016 dengan kehadiran **1,411 peserta** secara keseluruhan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Ini berbeza dengan tahun 2015 sebanyak 35 kelas PPP (Kategori umum) telah diadakan dengan kehadiran 1,285 peserta secara keseluruhan yang melibatkan (4 kelas : 137 pelajar Diploma, 28 kelas : 1105 pelajar Ijazah, 3 kelas : 43 pelajar Master). Manakala kelas untuk kategori GRA/RA/SRA adalah sejumlah 26 kelas dengan kehadiran 64 orang. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **61 kelas** telah diadakan pada tahun 2015 dengan kehadiran **1,349 peserta** secara keseluruhan.

**Statistik Kehadiran Program Pendidikan Pengguna Tahun 2015 dan 2016**

| Tahun | Jumlah Kelas | Jumlah Penyertaan (Orang) |
|---|---|---|
| 2015 | 61 | 1,349 |
| 2016 | 58 | 1,411 |

## PAMERAN

Bahagian Rujukan juga berperanan dalam mengadakan pameran bagi tujuan memberi kesedaran maklumat semasa serta mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan kepada warga UTeM.

**Jadual : Perbandingan Pameran Perpustakaan Tahun 2015 dan 2016**

| Tahun | Pameran Semasa | Pameran Agensi Luar | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|
| 2015 | 29 | - | 29 |
| 2016 | 45 | 1 | 46 |

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Rujukan telah mengadakan pameran sebanyak 45 pameran berbanding 29 pameran pada tahun 2015. Pada tahun 2016, pameran bersama agensi luar dapat diadakan sebanyak 1 kali dengan kerjasama oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Melaka. Keseluruhan pameran yang diadakan sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 46 pameran.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah : Pameran Perpustakaan Tahun 2015 dan 2016**

## MEJA PENASIHAT PENGGUNA (MPP)

Meja Penasihat Pengguna merupakan satu perkhidmatan bantuan pencarian maklumat yang dibuat secara terus dengan pengguna. Pertanyaan rujukan merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh pengguna kepada Pustakawan yang bertugas di Meja Penasihat Pengguna (MPP). Pustakawan akan mencatat setiap pertanyaan dan mengisi pada borang pertanyaan di MPP mengikut kategori yang telah ditentukan.

Bermula Ogos 2016, perkhidmatan ini telah memperkenalkan esMPP yang telah dibangunkan oleh Unit Automasi dengan kerjasama Pelajar Praktikal dan Unit Rujukan. Sistem ini memudahkan pelaporan pertanyaan dibuat secara digital dan mengurangkan penggunaan kertas.

Pada tahun 2016, MPP telah menerima sebanyak **2,518** pertanyaan rujukan berbanding 1,453 pertanyaan pada tahun 2015 di mana peningkatan sebanyak 73%. Secara tidak langsung dengan peningkatan jumlah pertanyaan ini menunjukkan peranan MPP semakin penting dalam membantu memenuhi keperluan maklumat pengguna perpustakaan.

**Jadual : Perbandingan Jumlah Pertanyaan Rujukan di MPP Tahun 2015 ke 2016**

| Tahun | Jumlah Pertanyaan Rujukan |
|---|---|
| 2015 | 1,453 |
| 2016 | 2,518 |

اونيونرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah : Statistik Pertanyaan Rujukan Sepanjang Tahun 2016**

Jumlah pertanyaan paling tinggi bagi tahun 2016 adalah pada bulan Disember dan ianya merupakan semakan Projek Pelajar melalui Turnitin (Rujuk rajah di bawah).




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Penggunaan Web-OPAC | 35 | 23 | 22 | 11 | 10 | 9 | 7 | 15 | 8 | 23 | 17 | 11 |
| Penggunaan Pangkalan Data | 13 | 6 | 4 | 6 | 6 | 6 | 3 | 9 | 7 | 1 | 10 | 7 |
| Pencarian Bahan / Maklumat | 48 | 35 | 33 | 24 | 20 | 14 | 18 | 25 | 20 | 35 | 22 | 21 |
| Turnitin | 41 | 31 | 41 | 8 | 114 | 442 | 19 | 151 | 10 | 32 | 135 | 570 |
| Lain-lain | 42 | 31 | 21 | 21 | 21 | 25 | 10 | 21 | 35 | 28 | 40 | 45 |

**Rajah : Pertanyaan Rujukan di MPP Berdasarkan Kategori Soalan 2016**

Berdasarkan rekod sepanjang tahun 2016 di MPP, semakan dan pertanyaan mengenai Turnitin adalah paling kerap diajukan oleh pengguna iaitu **1,594 pertanyaan** diikuti dengan lain-lain pertanyaan sebanyak **340 pertanyaan** dan pencarian bahan maklumat iaitu **315 pertanyaan.** Lain-lain pertanyaan merupakan soalan lazim seperti pemulangan kunci, pinjaman PSM, pinjaman antara perpustakaan dan sebagainya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## LAIN-LAIN SALURAN PERTANYAAN

Perpustakaan menyediakan pelbagai saluran promosi dan pertanyaan selain di MPP seperti Ask Librarian, sosial media, dan email.

### Ask Librarian

**Jadual : Statistik Perbandingan Jumlah Pertanyaan Ask Librarian Tahun 2015 ke 2016**

| Tahun | Jumlah Pertanyaan |
|---|---|
| 2015 | 177 |
| 2016 | 85 |

Pada tahun 2016, jumlah pertanyaan melalui **Ask Librarian** adalah sebanyak **85 soalan** iaitu penurunan sebanyak 48% berbanding 177 pertanyaan tahun 2015. Pertanyaan yang paling kerap diajukan adalah berkenaan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Berikut adalah rajah kekerapan pertanyaan melalui Ask Librarian.




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogo | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Peperiksaan | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| User Account | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pangkalan Data | 2 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pencarian Buku / Maklumat | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Ez-Proxy | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| Online Renewal | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Ahli Luar | 3 | 2 | 0 | 1 | 2 | 3 | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 |
| Kemudahan / Perkhidmatan Perpustakaan | 6 | 2 | 2 | 5 | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 0 | 3 | 3 |
| Lain-Lain | 2 | 1 | 1 | 2 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 |

**Rajah : Statistik pertanyaan melalui Ask Librarian tahun 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SALURAN PROMOSI

### Promosi di Laman Sosial

Unit Rujukan juga bertanggungjawab mempromosi kemudahan dan perkhidmatan yang disedikan Perpustakaan di samping mempromosi aktiviti yang berlangsung sepanjang tahun 2016. Perpustakaan menggunakan pelbagai platform bagi mempromosi aktiviti dan perkhidmatan seperti Facebook, Tweeter, Istagram dan Email. Sepanjang tahun 2016, sebanyak **781 kali** maklumat promosi yang dimuatnaik kepada umum berbanding **111 kali** sahaja pada tahun 2015. Ini menunjukkan **peningkatan sebanyak 85%**. Rujuk Jadual di bawah.

**Jadual : Perbandingan Jumlah Muatnaik Promosi Tahun 2015 ke 2016**

| Tahun | Jumlah Muatnaik Promosi |
|---|---|
| 2015 | 111 kali |
| 2016 | 781 kali |

Rajah di bawah menunjukkan aktiviti promosi yang dimuatnaik melalui platform yang disediakan sepanjang tahun 2016.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Twitter | 0 | 4 | 45 | 30 | 28 | 14 | 6 | 9 | 48 | 27 | 6 | 11 |
| Facebook | 10 | 5 | 57 | 44 | 36 | 16 | 12 | 20 | 55 | 63 | 32 | 13 |
| Instagram | 0 | 3 | 36 | 4 | 0 | 0 | 0 | 1 | 6 | 5 | 1 | 0 |
| E-mail | 14 | 0 | 10 | 13 | 8 | 13 | 4 | 13 | 21 | 12 | 11 | 11 |
| Mesej Bilik Bacaan | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

**Rajah : Statistik Aktiviti Muatnaik Promosi Tahun 2016**

## LAWATAN

Pada tahun 2016, aktiviti lawatan dari pihak luar ke Perpustakaan UTeM telah meningkat sebanyak **52% iaitu sebanyak 21 lawatan** berbanding hanya 11 kali dengan kehadiran pengunjung seramai 449 orang. Jadual di bawah adalah perbandingan jumlah lawatan daripada pelbagai institusi sepanjang tahun 2015 dan 2016.

**Jadual : Perbandingan Jumlah Lawatan Pihak Luar ke Perpustakaan UTeM Bagi Tahun 2015 ke 2016**

| Tahun | Bil. Lawatan | Bil. Pengunjung (orang) |
|---|---|---|
| 2015 | 11 | 449 |
| 2016 | 21 | 494 |

Antara agensi, Institusi, Sekolah dan Kolej yang melawat adalah Kolej Matrikulasi Melaka, Politeknik Mersing, Sek. Men. Teknik Terengganu, UiTM Segamat, Johor, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kolej Yayasan Saad, Perpustakaan Dr. Abdul Latif, UKM dan lain-lain. Berikut adalah senarai lawatan pihak luar ke Perpustakaan sepanjang tahun 2016 :

**Jadual : Senarai Pihak Luar yang Melawat Perpustakaan UTeM**

| BIL. | TARIKH LAWATAN | ORGANISASI / AGENSI / INSTITUSI | JUMLAH PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|
| 1 | 15/01/2016 | Kolej Matrikulasi Melaka | 44 |
| 2 | 15/01/2016 | Politeknik Mersing | 40 |
| 3 | 18/02/2016 | Sek. Men. Teknik Terengganu | 30 |
| 4 | 19/02/2016 | UiTM Segamat, Johor | 6 |
| 5 | 02/03/2016 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) | 43 |
| 6 | 26/04/2016 | Kolej Yayasan Saad | 29 |
| 7 | 27/04/2016 | Kolej Yayasan Saad | 28 |
| 8 | 27/04/2016 | Perpustakaan Dr. Abdul Latif, UKM | 13 |
| 9 | 06/05/2016 | SMK Seri Semantan, Mentakab, Pahang | 47 |
| 10 | 06/05/2016 | Pelajar UiTM (FPM) | 3 |
| 11 | 03/05/2016 | Pelajar UiTM (FPM) | 3 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| BIL. | TARIKH LAWATAN | ORGANISASI / AGENSI / INSTITUSI | JUMLAH PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|
| 12 | 18/05/2016 | SMK AYER KEROH | 7 |
| 13 | 29/05/2016 | SMK Convent | 41 |
| 14 | 29/07/2016 | Kolej Yayasan Saad | 31 |
| 15 | 04/08/2016 | UiTM Segamat, Johor | 4 |
| 16 | 26/08/2016 | UiTM Segamat, Johor | 5 |
| 17 | 05/11/2016 | Pelajar Persisir | 30 |
| 18 | 08/11/2016 | UiTM Puncak Perdana | 35 |
| 19 | 19/11/2016 | UiTM Puncak Perdana | 25 |
| 20 | 22/11/2016 | SM Seri Intan, Kluang, Johor | 20 |
| 21 | 15/12/2016 | Indonesia | 10 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | 494 |

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## AKTIVITI

Sepanjang tahun 2016, Unit Rujukan telah menganjurkan beberapa aktiviti bagi merapatkan hubungan antaran pengguna dan Perpustakaan. Sasaran pengguna adalah terdiri daripada pelajar, pensyarah, staf dan penyelidik serta masyarakat. Berikut adalah aktiviti dan program yang diadakan sepanjang tahun 2016.

**Jadual : Aktiviti Pepustakaan Sepanjang Tahun 2016**

| Tarikh | Nama Program / Aktivit | Penganjur |
|---|---|---|
| 2-4 Mac 2016 | Library Day | Unit Rujukan |
| 25 April 2016 | Jom Membaca Bersama 10 Minit | Unit Rujukan |
| 16-18 Mei 2016 | Bengkel Pengkatalogan RDA | Unit Rujukan |
| 13 Oktober 2016 | Kursus Penulisan Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi | Unit Bantuan Penyelidikan |

## PERKHIDMATAN MEDIA

Unit Media berperanan sebagai satu unit yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan media yang diperlukan oleh pengguna. Bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan memenuhi keperluan pengguna, pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan perkhidmatan bagi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan. Unit ini terlaksana dengan 3 kakitangan yang diketuai oleh Pustakawan, Pembantu Perpustakaan Kanan dan Pembantu Perpustakaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### Bidang Tugas

Antara tugas penting yang dilaksanakan oleh Unit Media adalah ;

- Peminjaman dan pemulangan bahan media
- Menyediakan aktiviti tayangan kepada pengguna
- Menyediakan kemudahan ruang dan bilik kepada pengguna
- Pembelian peralatan media
- Penyelenggaraan peralatan media

**PEMINJAMAN BAHAN MEDIA**

Unit Media telah memberikan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan media melalui Kaunter Sirkulasi sepanjang tahun 2016. Perincian peminjaman bahan media adalah seperti di bawah ;

**Jadual : Pinjaman Bahan Media Tahun 2016**

| Bulan | DVD | VIDEO | CDR |
|---|---|---|---|
| Januari | - | - | 7 |
| Februari | 1 | - | 2 |
| Mac | 2 | - | 3 |
| April | - | - | 1 |
| Mei | 1 | - | 4 |
| Jun | 1 | - | 2 |
| Julai | - | - | 1 |
| Ogos | - | - | - |
| September | 2 | - | 7 |
| Oktober | 2 | - | 17 |
| November | 1 | - | 11 |
| Disember | - | 1 | 3 |
| JUMLAH | 10 | 1 | 58 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PEROLEHAN BAHAN MEDIA

Unit Media telah menerima bahan-bahan media yang mempunyai pelbagai format bagi kegunaan pengguna perpustakaan. Berikut adalah jumlah lengkap bagi tahun 2016 :

| Kategori / Bulan | Penerimaan Bahan Ke Unit Media 2016 | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Seksyen Automasi | | | Seksyen Pengindeksan | | | | | | |
| | PSM | PJP | THESIS | PSM | PJP | THESIS | Terbitan Berkala | Buku Pembelian | Hadiah / Sumbangan | Koleksi Khas |
| Januari | - | - | - | 176 | - | 10 | 4 | - | - | - |
| Februari | - | - | - | 509 | - | - | 2 | 1 | 4 | - |
| Mac | - | - | - | 715 | 6 | 149 | - | - | 3 | - |
| April | 271 | - | - | 97 | - | - | 5 | - | 9 | - |
| Mei | 245 | - | - | | - | - | - | 1 | - | - |
| Jun | 132 | - | - | 85 | - | 16 | - | 5 | - | 23 |
| Julai | 21 | - | 9 | 50 | - | - | - | - | - | - |
| Ogos | 60 | - | 77 | 112 | - | - | - | - | 6 | - |
| September | 52 | 13 | | 50 | - | 12 | 2 | - | 4 | - |
| Oktober | 45 | 14 | - | 92 | - | - | - | - | - | - |
| November | 153 | 35 | - | 78 | - | - | - | - | 6 | - |
| Disember | 84 | - | - | | - | - | 3 | 8 | - | - |
| JUMLAH | 1063 | 62 | 86 | 1964 | 6 | 187 | 16 | 15 | 32 | 23 |
| | 1211 | | | 2243 | | | | | | |

**Jadual : Penerimaan Bahan ke Unit Media Tahun 2016**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KEMUDAHAN RUANG DAN BILIK

Unit Media telah menyediakan ruang dan bilik untuk kegunaan pengguna. Pengguna boleh menggunakan ruang dan bilik tersebut dengan membuat tempahan dan juga pendaftaran melalui sistem **SuperSaas dan secara manual**.

**Jadual : Pinjaman Kemudahan Ruang dan Bilik Tahun 2016**

| Bulan / Jenis | Bilik Pangkalan Data | Bilik Tayangan | Ruang Tayang | Bilik Seminar 1 | Bilik Seminar 2 | Bilik ICT |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Permohonan / Orang | Permohonan / Orang | Permohonan / Orang | Permohonan / Orang | Permohonan / Orang | Permohonan / Orang |
| Januari | 20 / 581 | 5 / 120 | 9 / 195 | - | 1 / 20 | - |
| Februari | 8 / 154 | 27 / 1244 | 18 / 325 | 1 / 20 | - | - |
| Mac | 22 / 601 | 25 / 1056 | 9 / 151 | 2 / 34 | - | - |
| April | 15 / 222 | 54 / 2706 | 20 / 372 | 5 / 198 | 1 / 40 | - |
| Mei | 14 / 251 | 46 / 4371 | 25 / 956 | 12 / 335 | 13 / 330 | 3 / 125 |
| Jun | 21 / 442 | 14 / 590 | 20 / 458 | 9 / 88 | 5 / 77 | - |
| Julai | 18 / 199 | 9 / 159 | 12 / 241 | - | - | - |
| Ogos | 10 / 88 | 2 / 40 | 5 / 105 | - | - | - |
| September | 10 / 126 | 29 / 1647 | 21 / 476 | 11 / 233 | 3 / 70 | 1 / 60 |
| Oktober | 7 / 92 | 25 / 629 | 18 / 1083 | 5 / 84 | 7 / 134 | 1 / 60 |
| November | 25 / 304 | 25 / 1201 | 45 / 818 | 16 / 222 | 14 / 251 | 1 / 60 |
| Disember | 22 / 476 | 3 / 80 | 29 / 677 | 2 / 20 | 10 / 132 | 3 / 165 |
| JUMLAH | 192 / 3536 | 264 / 13843 | 231 / 5857 | 63 / 1234 | 54 / 1054 | 9 / 470 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**AKTIVITI RAKAMAN**

Sehingga Disember 2016 sebanyak 22 aktiviti yang telah dijalankan. Sehubungan itu, Unit Media telah mengambil inisiatif untuk mengambil gambar dan rakaman video. Berikut adalah senarai aktiviti tersebut :

| Bulan | Program / Aktiviti | Jumlah |
|---|---|---|
| Januari | - | - |
| Februari | - | - |
| Mac | Library Day | 2 |
| | Perasmian Perkhidmatan Baru Perpustakaan UTeM | |
| April | Program Kesihatan | 6 |
| | Lawatan Staf Universiti Kebangsaan Malaysia | |
| | Lawatan Kolej Yayasan Saad | |
| | Program Get Fit | |
| | Majlis Perasmian Ind-Ezone | |
| | Taklimat Pengurusan Tenaga | |
| Mei | Lawatan Pelajar FPM UiTM Shah Alam pada 3 Mei 2016 | 3 |
| | Bengkel Pengkatalogan Resource Description And Access (RDA) 16 - 18 Mei 2016 | |
| | Pameran Perpustakaan Sempena Gegau Kampus Bandar 24 - 26 Mei 2016 | |
| Jun | Iftar Pejabat Perpustakaan bersama PBPI | 2 |
| | Mesyuarat semakan Pengurusan Kualiti | |
| Julai | Mengenal Potensi Diri | 3 |
| | Tazkirah Bulanan Bil 5/2016 | |
| | Majlis Sambutan Hari Raya dan Bacaan Yasin | |
| Ogos | Lawatan NC bersama Audit | 3 |
| | Tazkirah Bulanan Bil 6/2016 | |
| | Lawatan Penyelidikan Pelajar UiTM Segamat | |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| **September** | - | - |
| **Oktober** | Kursus Penulisan Jurnal Terindeks & Berimpak Tinggi - 13 okt 2016 | **2** |
| | Tazkirah Bulanan - Haji, Rezeki & Ayat Seribu Dinar - 21 Okt 2016 | |
| **November** | Lawatan Pelajar Sek. Men Keb. Sri Intan Kluang - 22 Nov. 2016 | **1** |
| **Disember** | - | - |
| **JUMLAH** | | **22** |

**PEROLEHAN PERALATAN MEDIA**

Sepanjang tahun 2016, pihak pengurusan Perpustakaan UTeM telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak **RM 11,092.00** untuk pembelian peralatan media. Statistik pembelian adalah seperti di bawah ;

**Jadual : Pembelian Peralatan Media Tahun 2016**

| No | Perkara | Bil | Harga (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Handycam SONY HDR-PJ440 | 1 | 2750.00 | 2750.00 |
| 2. | Tripod SONY | 1 | 450.00 | 450.00 |
| 3. | UltraShort Throw Projector EPSON | 1 | 7892.00 | 7892.00 |
| | | | **Jumlah** | **11,092.00** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PENYELENGGARAAN PERALATAN MEDIA**

Unit Media telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan yang disediakan untuk pengguna sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2016 iaitu sekali bagi setiap cuti semester. Kerja-kerja penyelenggaraan ini meliputi kekemasan dan susun atur peralatan dan kemudahan di dalam bilik–bilik media dan keupayaan peralatan tersebut berfungsi. Sepanjang 2016 terdapat 3 peralatan yang telah mengalami kerosakan seperti berikut :

**Jadual : Jenis Peralatan Media yang Mengalami Kerosakan Tahun 2016**

| Bil | Peralatan: | Jenis: | No siri: |
|---|---|---|---|
| 1 | LCD Projector (Bilik Perbincangan 3 ARAS 3) | Epson | FCMG3900069F |
| 2 | LCD Projector (Bilik Seminar 1 Aras 3) | NEC | NP115G0643726EF |
| 3 | LCD Projector (Bilik Tayangan Aras 2) *belum dibaiki* | Canon/ LVWX300 | QAC800118A |

## PEMINJAMAN IPAD

Sebanyak 3 unit iPad telah disediakan di Kampus Induk. Statistik peminjaman iPad adalah seperti berikut ;

**Jadual : Pinjaman Ipad Tahun 2016**

| Bulan | Peminjaman IPad | | |
|---|---|---|---|
| | iPad0001 | iPad0002 | iPad0003 |
| Januari | - | - | - |
| Februari | - | 1 | 3 |
| Mac | - | 1 | 2 |
| April | 4 | - | 2 |
| Mei | 3 | - | 2 |
| Jun | 4 | 2 | - |
| Julai | - | 2 | 1 |
| Ogos | - | - | - |
| September | 5 | 9 | 1 |
| Oktober | 1 | 1 | 1 |
| November | | 5 | 5 |
| Disember | 3 | 2 | 0 |
| JUMLAH | 20 | 20 | 17 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## BANTUAN PENYELIDIKAN

### LAPORAN PENERBITAN UTeM

Sejak tahun 2012, Perpustakaan telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan maklumat yang berkaitan dengan bilangan penerbitan staf UTeM di SCOPUS, Web of Science dan sebagainya. Pangkalan data SCOPUS dilanggan oleh Perpustakaan sejak tahun 2007. SCOPUS adalah pangkalan data bibliografi yang mengandungi abstrak dan *citation* untuk artikel jurnal akademik. Ia meliputi hampir 22,000 tajuk daripada lebih 5,000 penerbit, di mana 20,000 adalah jurnal dalam bidang sains saintifik, teknikal, perubatan, dan sosial (termasuk seni dan kemanusiaan). Pada tahun 2016, sebanyak 18 artikel jurnal berindeks Web of Science berbanding 17 artikel jurnal pada tahun 2015. Manakala di SCOPUS, sebanyak 337 artikel jurnal dihasilkan iaitu peningkatan sebanyak 6 judul (2%) pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya seperti di Rajah 1.




| Tahun | Web of Science | SCOPUS |
|---|---|---|
| 2015 | 17 | 331 |
| *2016 | 18 | 337 |

*Data sehingga 27 Disember 2016 & tidak duplikasi

**Rajah 1: Statistik Perbandingan Penerbitan Jurnal Staf UTeM di Web Of Science dan SCOPUS Bagi Tahun 2015 dan 2016**

Bagi kertas persidangan berindeks pula, tahun 2016 sebanyak 117 kertas persidangan di Web of Science berbanding 134 kertas persidangan pada tahun 2015. Manakala di SCOPUS, sebanyak 153 kertas persidangan dihasilkan iaitu peningkatan sebanyak 71 judul (87%) pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya seperti di Rajah 2.




| Tahun | Web of Science | SCOPUS |
|---|---|---|
| 2015 | 134 | 82 |
| *2016 | 117 | 153 |

*Data sehingga 16 Disember 2016 & tidak duplikasi

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Rajah 2: Statistik Perbandingan Penerbitan Kertas Persidangan Staf UTeM di Web Of Science dan SCOPUS Bagi Tahun 2015 dan 2016**

**PENGAUDITAN MyRA 2015**

Pihak Perpustakaan terlibat langsung dengan pengauditan MyRA (Malaysia Research Assessment Instrument) yang diwujudkan sejak tahun 2007. Pada tahun 2015, UTeM telah mencapai 3 bintang di mana Unit Bantuan Penyelidikan menguruskan maklumat di Seksyen C: Kuantiti dan Kualiti Penyelidik yang merangkumi bahagian penerbitan;

a) Jumlah sitasi penerbitan
b) Jumlah penerbitan di SCOPUS/Web of Science/ERA
   - Jurnal
   - Kertas Persidangan
c) Jumlah penerbitan di jurnal lain
d) Jumlah buku penyelidikan dan bab dalam buku
e) Lain-lain penerbitan

Seksyen I: Kemudahan Sokongan (Kemudahan Perpustakaan)

a) Jumlah buku
b) Jumlah buku atas talian

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## PENGAKSESAN PANGKALAN DATA DALAM TALIAN (PDDT)

Pada tahun 2016, perpustakaan telah melanggan 18 pangkalan data termasuk Turnitin, SUMMON, ASTM Standard & MS Online. Tiga penggunaan pangkalan data tertinggi adalah Science Direct, Emerald & IEEE. Berikut adalah statistik penggunaan yang meliputi carian mengikut pecahan *e-journal* dan *e-book* bagi tahun 2016.




| | *ACM | *ASME | Begell | Emerald | Eng. Village | *IEEE | *IOP | *Science Direct | SIAM | Wilson Web |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 5,272 | 406 | 25 | 14,349 | 2,703 | 63,736 | 758 | 54,840 | 580 | 4,341 |
| 2016 | 2,931 | 117 | 9 | 64,867 | 558 | 48,785 | 245 | 66,767 | 174 | 886 |

2015 2016

UTeM

**Rajah 4 : Jumlah Penggunaan PDDT (Carian) E-jurnal**

***Bagi pangkalan data ACM, ASME, IEEE, IOP & Science Direct statistik sehingga Nov 2016***

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




| | Ebrary | EngNetBase | Knovel |
|---|---|---|---|
| 2015 | 186 | 466 | 988 |
| 2016 | 452 | 1,064 | 6,311 |

2015 2016

**Rajah 5 : Jumlah Penggunaan PDDT (Carian) E-book**

## PEMPAKEJAN MAKLUMAT (INFORMATION PACKAGING)

Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Pempakejan Maklumat (Information Packaging) kepada staf akademik, penyelidik serta pelajar pasca siswazah. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 48 permohonan telah diterima iaitu dua permohonan tertinggi diterima daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Merujuk kepada Jadual 1, jumlah permohonan pempakejan maklumat meningkat sebanyak 29.7% dari 2015 hingga 2016 mengikut pecahan PTJ dan pelanggan.

**Jadual 1 : Statistik Permohonan Pempakejan Maklumat Bagi Tahun 2016**

| BIL | PTJ | AKADEMIK/ PENGURUSA | PASCA SISWAZAH | PRA SISWAZA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | FKE | - | 2 | - | 2 |
| 2 | FKEKK | 1 | 3 | - | 4 |
| 3 | FKM | - | 3 | - | 3 |
| 4 | FKP | 3 | 5 | 3 | 11 |
| 5 | FPTT | 2 | 7 | 2 | 11 |
| 6 | FTK | 2 | - | 1 | 3 |
| 7 | FTMK | 4 | 5 | - | 9 |
| 8 | PBPI | 1 | - | - | 1 |
| 9 | PKA | 1 | - | - | 1 |
| 10 | PEJABAT TNC (Akademik & Antarabangsa) | 3 | - | - | 3 |
| | JUMLAH | 17 | 25 | 6 | 48 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah 6 : Jumlah Permohonan Pempakejan Maklumat Mengikut Bulan Bagi Tempoh Tiga Tahun**

## AKTIVITI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2016, Unit Bantuan & Promosi Penyelidikan berjaya melaksanakan beberapa aktivit perkongsian dan penyebaran maklumat melalui latihan pangkalan data, demonstrasi pangkalan data baru, bengkel penerbitan dan kursus kemahiran maklumat. Aktiviti ini mendapat kerjasama daripada pembekal, fakulti dan pihak pentadbiran UTeM bagi melancarkan perjalanan aktiviti seperti di Jadual 2.

Pada 13 Oktober 2016, buat julung kalinya, Perpustakaan menganjurkan Kursus Penulisan Jurnal Terindeks & Berimpak Tinggi. Kursus ini disertai oleh 74 penyertaan yang terdiri daripada staf akademik, pelajar Pasca & Pra Siswazah, pembantu penyelidik, pustakawan dan juga staf pelaksana. Kursus ini disampaikan oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor (TNCPI UTeM) dan Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli Abdollah (Timbakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal).



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jadual 2 : Aktiviti perkongsian dan penyebaran maklumat**

| Bil. | Aktiviti | Pembentang | Tarikh & Tempat | Kehadiran |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Latihan pangkalan data Science Direct & Scopus | Yu Lang (Elsevier) | 12 April 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.00 a.m – 12.00 p.m | 17 Staf Akademik<br>5 Pasca Siswazah<br>1 Pra Siswazah<br>1 Pustakawan<br>1 Pen. Pustakawan<br>**Jumlah : 25 peserta** |
| 2 | Bengkel Literasi Maklumat dan Penyelidikan 2.0 | Rasida Abu Bakar<br>Nor Ilyah Othman | 10 Mei 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>8.30 a.m – 4.30 p.m | 7 Pustakawan Kanan<br>6 Pustakawan<br>2 Pen. Pustakawan<br>6 Pemb. Pustakawan Kanan<br>**Jumlah : 21 peserta** |
| 3 | Latihan pangkalan data Emerald | Elvin Cheah (Emerald Group Publishing) | 25 Mei 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>11.00 a.m – 12.30 p.m | 10 Staf Akademik<br>3 Pasca Siswazah<br>4 Pra Siswazah<br>**Jumlah : 17 peserta** |
| 4 | Mendeley | Rasida Abu Bakar | 2 Jun 2016<br>SMART LAB, UTeM Kampus Bandar<br>9.30 a.m – 12.30 p.m | 5 Pasca Siswazah<br>**Jumlah : 5 peserta** |
| 5 | Scopus Session & Liaison Officer (FKM) | Rasida Abu Bakar<br>Mohamad Rashid Jantan | 9 Jun 2016<br>Bilik Mesyuarat, FKM, Kampus Teknologi<br>2.30 p.m – 4.00 p.m | 33 Staf Akademik<br>2 Pasca Siswazah<br>3 Pustakawan<br>**Jumlah : 38 peserta** |
| 6 | Guide to Getting Published | Ben S'ng (Emerald Group Publishing) | 15 Jun 2016<br>Bilik pangkalan data<br>9.30 a.m – 12.00 p.m | 22 Staf Akademik<br>15 Pasca Siswazah<br>1 Pra Siswazah<br>2 Pemb. Penyelidik<br>1 Pustakawan<br>**Jumlah : 41 peserta** |
| 7 | Scopus Session (FKE) | Rasida Abu Bakar | 17 Jun 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.00 a.m – 10.00 a.m | 1 Staf Akademik<br>**Jumlah : 1 peserta** |
| 8 | Scopus Session (FTK) & Taklimat UTeM IR | Rasida Abu Bakar<br>Nurul Akmar Mehat | 21 Julai 2016<br>Dewan Seminar FTK | 50 Staf Akademik<br>11 Jurutera Pengajar<br>**Jumlah : 61 peserta** |
| 9 | Scopus Session (PBPI) | Rasida Abu Bakar | 27 Julai 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.00 a.m – 10.00 p.m | 6 Staf Akademik<br>**Jumlah : 6 peserta** |
| 10 | Scopus Session Siri 2 (FTK) & | Rasida Abu Bakar<br>Nurul Akmar Mehat | 11 Ogos 2016<br>Dewan Seminar FTK<br>10.00 a.m – 11.30 a.m | 40 Staf Akademik<br>**Jumlah : 40 peserta** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Taklimat UTeM IR | | | |
| 11 | Scopus Session (FKP) | Rasida Abu Bakar | 17 Ogos 2016<br>Bilik Tayangan<br>9.00 a.m – 10.30 a.m | 15 Staf Akademik<br>**Jumlah : 15 peserta** |
| 12 | Demo UDLedge Full-Text Citation Index Database | Radhiatul Mardhiah Hassan | 19 Ogos 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.00 a.m – 10.30 a.m | 11 Staf Akademik<br>1 Peg. Teknologi Maklumat<br>7 Pustakawan<br>**Jumlah : 19 peserta** |
| 13 | Scopus Session (FKE, FTK & CRIM), Taklimat UTeM IR & Liaison Librarian | Rasida Abu Bakar<br>Nurul Akmar Mehat<br>Wizana Abd Jalil | 29 Ogos 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.00 a.m – 10.30 a.m | 11 Staf Akademik<br>1 Pegawai Penyelidik<br>4 Pustakawan<br>**Jumlah : 16 peserta** |
| 14 | User Education Programme (Academician) | Rasida Abu Bakar | 6 Sept 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>3.30 p.m – 5.00 p.m | 3 Staf Akademik<br>**Jumlah : 3 peserta** |
| 15 | User Education Programme (Pelajar Sarjana) | Nor Ilyah Othman | 15 Sept 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>11.00 a.m – 12.30 p.m | 2 Pasca Siswazah<br>**Jumlah : 2 peserta** |
| 16 | User Education Programme (Pelajar Tahun Akhir) | Rasida Abu Bakar | 23 Sept 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>3.00 p.m – 4.30 p.m | 7 Pra Siswazah<br>**Jumlah : 7 peserta** |
| 17 | Guide to Getting Published | Ben S'ng (Emerald Group Publishing) | 28 Sept 2016<br>SMART LAB, UTeM Kampus Bandar<br>2.00 p.m – 4.30 p.m | 10 Staf Akademik<br>17 Pasca Siswazah<br>6 Pra Siswazah<br>**Jumlah : 33 peserta** |
| 18 | User Education Programme (Pelajar PhD) | Nor Ilyah Othman | 2 Okt 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>11.00 a.m – 12.30 p.m | 3 Pasca Siswazah<br>**Jumlah : 3 peserta** |
| 19 | Kursus Penulisan Jurnal Terindeks & Berimpak Tinggi | Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor<br>Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli Abdollah | 13 Okt 2016<br>Bilik Tayangan<br>8.00 a.m – 5.00 p.m | 30 Staf Akademik<br>31 Pasca Siswazah<br>2 Pra Siswazah<br>8 Pustakawan<br>2 Pembantu Penyelidik<br>1 Pelaksana<br>**Jumlah : 74 peserta** |
| 20 | Guide to Getting Published | Ben S'ng (Emerald Group Publishing) | 30 Nov 2016<br>Bilik Pangkalan Data<br>9.30 a.m - 12.00 p.m | 3 Staf Akademik<br>15 Pasca Siswazah<br>2 Pembantu penyelidik<br>**Jumlah : 20 peserta** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Aktiviti demonstrasi dan latihan pangkalan data yang dianjurkan oleh Unit Bantuan Penyelidikan pada tahun 2016 menunjukkan pengurangan berbanding tahun 2015. Manakala kehadiran pula menunjukkan penurunan sebanyak 1.9% berbanding tahun 2015 seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Statistik Kehadiran dan Bilangan Sesi Demonstrasi & Latihan Pangkan Data**

| | Kehadiran (Orang) | Bilangan Sesi |
|---|---|---|
| 2015 | 158 | 9 |
| 2016 | 155 | 8 |

## MENGINDEKS *E-BOOK DAN E-JOURNAL*

Aktiviti mengindeks *e-book* dan *e-jurnal* adalah untuk memastikan setiap *e-book* dan e-journal yang dilanggan dapat diakses melalui sistem ILMU. Proses pengindeksan dilakukan mengikut bidang perkara-perkara tertentu untuk kemudahan rujukan pengguna Perpustakaan. Perbandingan jumlah pengindeksan e-journal dalam ILMU mengikut tahun adalah seperti di Jadual 4. Sasaran dapat dipenuhi bagi tahun 2016 adalah 100% (400 judul).

**Jadual 4 : Statistik Mengindeks E-Journal dan E-Book**

| | Jumlah Bahan |
|---|---|
| 2015 | 400 |
| 2016 | 457 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SEKSYEN SIRKULASI

Seksyen Sirkulasi merupakan seksyen yang berhubung terus secara langsung dengan para pengguna perpustakaan. Keutamaan seksyen ini adalah kaunter sirkulasi yang melibatkan pelbagai transaksi utama iaitu peminjaman, pemulangan, tempahan, pembaharuan pinjaman, bayaran denda dan sebagainya. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan koleksi perpustakaan dari segi susunan di rak dan pengendalian bahan.

## KEAHLIAN

**Keahlian Berdaftar (Aktif)**

| Kategori Keahlian | Jumlah (orang) |
|---|---|
| Staf Akademik | 1,041 |
| Staf Pentadbiran | 1,492 |
| Pelajar Diploma | 3,134 |
| Pelajar Ijazah Sarjana Muda | 11,969 |
| Pembantu Penyelidik (GRA) | 0 |
| Pelajar Ijazah Sarjana (Master) | 1,600 |
| Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) | 510 |
| Peserta Kursus | 46 |
| Jumlah | **19,792** |

**Keahlian Luar**

| Bulan | Merujuk (orang) | Meminjam (orang) |
|---|---|---|
| Januari | 1 | 0 |
| Februari | 0 | 0 |
| Mac | 1 | 43 |
| April | 1 | 0 |
| Mei | 1 | 0 |
| Jun | 3 | 1 |
| Julai | 59 | 0 |
| Ogos | 5 | 0 |
| September | 0 | 0 |
| Oktober | 2 | 0 |
| November | 1 | 0 |
| Disember | 1 | 0 |
| Jumlah | **75** | **44** |

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Statistik Keahlian Luar 2016**




Pendaftaran keahlian luar pada tahun **2016** adalah seramai **119 orang** yang meliputi keahlian merujuk adalah seramai 75 orang dan keahlian meminjam adalah seramai 44 orang. Faktor ini disumbang oleh **kerjasama yang telah dijalinkan bersama Kolej Yayasan Saad Berhad (KYSB)** bersama Perpustakaan bagi membolehkan pelajar KYSB menjadi ahli luar perpustakaan UTeM.

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KUNJUNGAN PENGGUNA (FIZIKAL)

**Statistik Kehadiran Pengguna Perpustakaan 2016**

| Bulan | Kunjungan Pengguna (Keseluruhan) |
|---|---|
| Januari | 6879 |
| Februari | 7325 |
| Mac | 28390 |
| April | 21059 |
| Mei | 29533 |
| Jun | 31427 |
| Julai | 8796 |
| Ogos | 6281 |
| September | 24094 |
| Oktober | 33363 |
| November | 49523 |
| Disember | 38873 |
| Jumlah | **285,543** |

**Perbezaan Kehadiran Pengguna ke Perpustakaan 2015-2016**




| Tahun | Jumlah Kehadiran Pengguna |
|---|---|
| **2015** | 203,415 orang |
| **2016** | 285, 543 orang |

اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Secara keseluruhan, jumlah kehadiran pengguna 2016 secara fizikal ke perpustakaan meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2015 kecuali pada cuti semester. Jumlah keseluruhan kehadiran pengguna secara fizikal pada **tahun 2015** adalah seramai **203,415 orang**. Manakala bagi **tahun 2016**, kehadiran pengguna ke perpustakaan adalah seramai **285,415 orang** dengan **kenaikan** seramai **82,128 orang** atau **40.3%** berbanding kenaikan pada tahun 2014-2015 seramai **35,679 orang.**

## KUNJUNGAN PENGGUNA (PORTAL)

**Statistik Perbezaan Kunjungan Pengguna 2015 & 2016**




| Tahun | Jumlah Kehadiran Portal |
|---|---|
| **2015** | 302,616 |
| **2016** | 282,158 |

Kehadiran pengguna secara maya juga menunjukkan sedikit penurunan pada tahun **2016** dengan **282,158** berbandingkan dengan tahun **2015** mencatatkan **302,616 perbezaan sebanyak 20,458** atau **6.7%.** Penurunan ketara kunjungan pengguna secara maya ini dapat dilihat sepanjang cuti semester dan Semester I sedang berlangsung kecuali pada bulan Oktober yang dilihat meningkat.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PINJAMAN BAHAN

**Statistik Perbezaan Pinjaman 2015 & 2016**




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 906 | 1363 | 3634 | 3205 | 3452 | 2506 | 751 | 684 | 2998 | 4146 | 3050 | 2961 |
| 2016 | 1176 | 1582 | 3081 | 2353 | 3280 | 2383 | 762 | 904 | 2480 | 3049 | 4310 | 2851 |

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|---|---|
| 2015 | 29,656 |
| 2015 | 28,211 |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi **tahun 2015** adalah sebanyak **29,656 naskah** manakala bagi **tahun 2016** sebanyak **28,211 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **1445 naskah.** Ini mungkin disumbang oleh faktor penggunaan pangkalan data atau sumber-sumber lain di atas talian di kalangan pelajar dan pensyarah jika dibandingkan dengan bahan fizikal.

## PENGGUNAAN RUANG

**Statistik Perbezaan Penggunaan Ruang 2015 & 2016**




| | PC | Perbincangan | Karel | AV | B.Tayangan | R.Tayangan | Seminar | Pangkalan | ICT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 38179 | 14911 | 2907 | 3017 | 19088 | 2752 | 419 | 3634 | 0 |
| 2016 | 18820 | 8476 | 3332 | 3999 | 18428 | 5857 | 2288 | 3536 | 470 |

Keseluruhan pengguna ruang dan kemudahan perpustakaan dilihat menurun dengan penurunan sebanyak 23.2% berbanding pada tahun 2015. Penggunaan ruang dan kemudahan pada tahun 2016 dicatatkan pada angka 65,206 jika dibandingkan pada tahun 2015 yang mencatatkan sejumlah 84,907.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SEWAAN LOKER 2016

| Loker Kecil | Loker Besar |
|---|---|
| 96 | 56 |

Sewaan loker pada tahun 2016 dilihat sangat berjaya kerana kesemua loker yang tersedia di Kampus Induk telah habis disewa seawal bulan pertama semasa semester berlangsung terutama penyewaan loker besar.

## PERKHIDMATAN BAHARU

Bermula Jun 2016 Perpustakaan memperkenalkan penggunaan Segway kepada penggunanya. Perkhidmatan ini dilancarkan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM semasa Majlis Pelancaran Perkhidmatan Baharu. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah bagi membolehkan pengguna merasai kehadiran teknologi ini dan memberikan satu kelainan kepada perkhidmatan yang biasa perpustakaan tawarkan. Untuk makluman juga, Perpustakaan UTeM merupakan perpustakaan Universiti Awam pertama yang menyediakan perkhidmatan Segway. Sehingga Disember 2016, penggunaan perkhidmatan Segway ini adalah sebanyak 891 penggunaan yang merangkumi 5 buah Segway.

## AKTIVITI/PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN CAWANGAN KAMPUS BANDAR & TEKNOLOGI

### Projek Semakan Stok (Stock Take)

Projek semakan stok Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar telah berlangsung pada 25 Julai sehingga 11 Ogos 2016 yang lalu di mana projek ini meliputi koleksi Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar sahaja. Tenaga kerja yang terlibat adalah seramai 3 orang yang terdiri daripada Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan. Tujuan projek ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui jumlah koleksi bahan Pepustakaan Kampus Bandar secara tepat dan memastikan katalog perpustakaan (WebOPAC) menunjukkan 'holdings' rekod yang tepat beserta status terkini bahan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### Postgraduate Corner

Satu ruang telah diwujudkan dengan kemudahan meja dan kerusi disediakan untuk tujuan pembelajaran dan perbincangan khas kepada pelajar-pelajar peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar.

### Maklumat pada Papan Kenyataan

Projek keceriaan Papan Kenyataan Perpustakaan Kampus Teknologi telah dilakukan dan dikemaskini dengan penambahan maklumat mengenai senarai bahan baru perpustakaan bagi membantu proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga Fakulti FTK dan FKM khususnya dan seluruh warga UTeM amnya. Maklumat ini juga bertujuan membantu pengguna mengetahui koleksi terkini yang terdapat di perpustakaan cawangan selain mempromosikan bahan baru.

# KAMPUS BANDAR

## 1.0 PENGENALAN

Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar telah beroperasi dengan baik. Pengoperasiannya memenuhi keperluan maklumat dan rujukan kepada warga Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) secara khususnya dan warga Kampus Bandar secara amnya. Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar yang berkeluasan 243.69 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 110 orang pada satu-satu masa. Laporan tahunan 2016 ini meliputi aspek prasarana, sumber manusia, perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sepanjang tahun 2016.

## 2.0 SUMBER MANUSIA

Bagi tahun 2016, Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar mempunyai **3 orang staf** yang terdiri dari seorang Pustakawan (S41), dengan dibantu oleh seorang Pembantu Pustakawan Kanan (S22) dan seorang Pembantu Pustakawan (S19). Namun begitu, pada pertengahan November 2016, Pembantu Pustakawan (S19) telah berhenti dan digantikan sementara oleh Pembantu Pustakawan dari Kampus Induk. Berikut merupakan jumlah staf yang terlibat di Kampus Bandar:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Jawatan | Bilangan |
|---|---|
| **Pustakawan** | 1 |
| **Pembantu Pustakawan** | 2 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **3** |

**Jadual 1: Bilangan Staf Terlibat Di Perpustakaan Kampus Bandar**

**STAF BAHAGIAN SIRKULASI PERPUSTAKAAN CAW. KAMPUS BANDAR 2016**



**Norshahila Binti Che Din**
Librarian
*B.Sc. Information Studies (Library & Info. Mgt)(UiTM)*
Email: norshahila@utem.edu.my
Tel: 06-2833519



**Muhammed Rashid Bin Mat Derus**
Senior Librarian Assistant
Email: rashid@utem.edu.my
Tel: 06-2833546



**Mohd Syahrizal Bin Mohd Razali**
Librarian Assistant
Email: syahrizal@utem.edu.my
Tel: 06-2833546

## 3.0 WAKTU PERKHIDMATAN

Waktu perkhidmatan perpustakaan cawangan adalah kekal seperti tahun sebelumnya iaitu bermula jam 8.00 pagi sehingga 7.00 malam manakala operasi pada waktu cuti semester akhir adalah bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja. Perpustakaan Kampus Bandar ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

## 4.0 PRASARANA / PERALATAN

Dengan keluasan yang hanya 243.69 meter persegi, Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar telah berupaya menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Antara kemudahan-kemudahan yang telah dibuat penambahbaikan pada tahun 2016 ialah :-

| Tarikh Terima | Nama Perabot | Kuantiti | Lokasi Penempatan |
|---|---|---|---|
| Julai 2016 | Cash Register Baru | 1 unit | Kaunter Sirkulasi |
| Ogos 2016 | Mesin Fotokopi Canon | 1 unit | Ruang Belajar |

**Jadual 2: Penerimaan Perabot/Peralatan di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar 2016**

Selain itu juga, pengubahsuaian susun atur perabot di Perpustakaan Kampus Bandar turut dilaksanakan dan beberapa perabot seperti meja, kerusi dan dinding perpustakaan di cat semula bagi mencantikkan dan memberi keselesaan kepada pengguna perpustakaan. Sebanyak **9 buah komputer** masih kekal disediakan kepada pengguna di Bilik Pangkalan Data untuk tujuan akses kepada Internet, pencarian juran dan tugasan individu/berkumpulan. Selain tu, terdapat juga beberapa buah komputer lain yang disediakan bagi kemudahan mencetak, WebOPAC dan urusan di kaunter. Navigator turut diletakkan di cawangan sebagai kemudahan terkini kepada pengguna perpustakaan. Berikut merupakan jumlah komputer dan lokasi ditempatkan di Perpustakaan Kampus Bandar:

| Lokasi | Kegunaan | Kuantiti |
|---|---|---|
| Kaunter Sirkulasi | Urusan Kaunter | 1 unit |
| Bilik Pangkalan Data | Internet/Tugasan/Pangkalan Data | 9 unit |
| Ruang Pengguna | Perkhidmatan mencetak | 1 unit |
| Ruang Pengguna (WebOPAC) | Pencarian bahan perpustakaan | 2 unit |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **13 unit** |

**Jadual 3: Jumlah Komputer & Lokasi di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar Tahun 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 5.0 KOLEKSI

Koleksi Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar terdiri dari Bahan Monograf dan Bahan Terbitan Bersiri. Jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga 2016 ialah berjumlah **9,341 naskah**,

Penerimaan bahan Monograf menurun sebanyak 13.26% (39 naskah) dari jumlah penerimaan tahun sebelumnya manakala bagi bahan terbitan bersiri pula menurun sebanyak 12.03 % (32 naskah). Perkara ini mungkin disebabkan oleh pengurangan bajet yang diperuntukan bagi pembelian buku dan terbitan bersiri dan juga kelewatan proses penerimaan bagi bahan yang telah dibuat pembelian. Berikut adalah maklumat perbandingan untuk tahun 2015 – 2016 :-

| BAHAN MONOGRAF | 2015 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | judul | naskah | judul | naskah |
| Buku Baru | 17 | 17 | 108 | 124 |
| Buku Sumbangan | 47 | 243 | 16 | 62 |
| Koleksi UTeM | 0 | 3 | 21 | 6 |
| Jurnal Berjilid | 31 | 31 | 0 | 62 |
| Bahan KWP | 0 | 0 | 1 | 1 |
| **Jumlah Penerimaan** | **95** | **294** | **146** | **255** |

اونيۈرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jadual 4: Perbandingan Penerimaan Bahan Monograf untuk Tahun 2015 – 2016**

| BAHAN TERBITAN BERSIRI | 2015 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | judul | naskah | judul | naskah |
| Jurnal & Majalah Tetap | 21 | 232 | 15 | 200 |
| Jurnal & Majalah Sumbangan | 26 | 34 | 30 | 34 |
| **Jumlah Penerimaan** | **47** | **266** | **45** | **234** |

**Jadual 5: Perbandingan Penerimaan Bahan Terbitan Bersiri untuk Tahun 2015 - 2016**

# 6.0. STATISTIK PERKHIDMATAN

## 6.1 STATISTIK KEHADIRAN PENGGUNA

Sehingga 31 Disember 2016, pengguna yang berkunjung ke perpustakaan adalah seramai **48,193 orang**. Jumlah ini diambilkira dari gabungan ruang utama dan ruang 24 jam. Penurunan kunjungan berlaku pada kadar 7.16% (3718 orang) dari jumlah pengunjung pada tahun 2015 yang berjumlah **51,911 orang**.

Cuti semester yang panjang pada awal tahun iaitu pada bulan Januari dan Februari serta hujung bulan Jun hingga September merupakan salah satu faktor penyumbang kepada jumlah penurunan kunjungan pada tahun ini. Berikut merupakan carta perbandingan statistik kehadiran pengguna ke Perpustakaan Kampus bandar bagi tahun 2015 dan 2016:

| Tahun | Jumlah Kehadiran Pengguna |
|---|---|
| 2015 | 51,911 orang |
| 2016 | 48,193 orang |

**Jadual 6: Kehadiran Pengguna Bagi Tahun 2015 & 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Carta 2: Perbandingan Statistik Kehadiran Pengguna Bagi tahun 2015 dan 2016**




**Carta 3: Perbandingan Statistik Kehadiran Pengguna Sepanjang Tahun 2015 dan 2016**

### 6.2 STATISTIK PINJAMAN BAHAN

Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi **tahun 2016** adalah sebanyak **1,354 naskah** manakala bagi **tahun 2015** sebanyak **1,669 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **315 naskah.** Perkara ini mungkin disumbang oleh faktor penggunaan pangkalan data atau lain-lain sumber atas talian dikalangan pelajar dan pensyarah jika dibandingkan dengan bahan fizikal. Jumlah pinjaman yang berkurangan adalah sewaktu cuti semester iaitu pada bulan Jan, Jun, Julai dan Ogos.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|---|---|
| **2015** | 1,669 |
| **2016** | 1,354 |

**Jadual 7: Jumlah Pinjaman Bahan Bagi Tahun 2015 & 2016**




**Carta 4: Perbandingan Statistik Pinjaman Bahan Bagi Tahun 2015 dan 2016**




**Carta 5: Perbandingan Statistik Pinjaman Bahan Sepanjang Tahun 2015 dan 2016**

| BULAN | PINJAMAN BAHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | ACD | ADM | BOR | DEG | LT | MS | PHD | JUMLAH |
| JANUARI | 8/21 | 5/12 | 0/0 | 4/6 | 0/0 | 3/7 | 3/7 | **23/53** |
| FEBRUARI | 11/41 | 2/2 | 0/0 | 22/51 | 0/0 | 6/20 | 2/9 | **43/123** |
| MAC | 16/51 | 4/5 | 0/0 | 46/60 | 1/7 | 7/17 | 1/3 | **75/143** |
| APRIL | 8/29 | 1/4 | 0/0 | 37/54 | 0/0 | 2/3 | 2/2 | **50/92** |
| MEI | 8/28 | 2/6 | 0/0 | 44/66 | 2/11 | 4/4 | 3/9 | **63/124** |
| JUN | 4/32 | 2/2 | 0/0 | 11/28 | 0/0 | 2/2 | 0/0 | **19/64** |
| JULAI | 3/13 | 1/1 | 0/0 | 0/0 | 0/0 | 1/4 | 2/3 | **7/21** |
| OGOS | 3/12 | 0/0 | 0/0 | 4/16 | 1/2 | 6/8 | 5/14 | **19/52** |
| SEPTEMBER | 8/18 | 1/1 | 2/3 | 59/101 | 0/0 | 11/25 | 3/9 | **84/157** |
| OKTOBER | 4/6 | 0/0 | 1/2 | 86/144 | 0/0 | 8/16 | 6/26 | **105/194** |
| NOVEMBER | 7/32 | 4/10 | 1/2 | 79/150 | 0/0 | 16/24 | 2/4 | **109/222** |
| DISEMBER | 4/10 | 0/0 | 0/0 | 48/79 | 0/0 | 9/13 | 3/7 | **64/109** |
| JUMLAH | **84/293** | **22/43** | **4/7** | **440/755** | **4/20** | **75/143** | **32/93** | **661 orang/ 1354 naskah** |

**Jadual 8: Pecahan Pinjaman Bahan Mengikut Kategori Pengguna 2016**

**Petunjuk :**

**ACD = Academic Staff**
**BOR = External Borrower**
**ADM = Administration Staff**
**LT = Language Teacher**
**GRA = Graduate Research Assistant**
**MS = Master Student**
**DEG = Degree Student**
**PHD = Doc. Of Philisophy Student**

## 6.3 STATISTIK PERKHIDMATAN ICT

Berikut adalah maklumat sambutan Perkhidmatan ICT dari pihak pengguna perpustakaan dan juga perbandingan untuk tahun 2015 dan 2016.

| | PENGGUNAAN ICT | | |
|---|---|---|---|
| Tahun | **2015** | **2016** | Petunjuk Prestasi |
| Sistem Cybera | 8955 | 7029 | (-) 1926 orang |
| IPad | 5 | 2 | (-) 3 orang |

**Jadual 9: Perbandingan Penggunaan Perkhidmatan ICT Tahun 2015 dan 2016**

Seperti tahun sebelumnya, Perpustakaan Kampus Bandar menyediakan Pekhidmatan ICT melalui perisian Cybera. Berdasarkan jadual di atas, terdapat penurunan penggunaan komputer untuk kegunaan internet dan tugasan dari tahun 2015 ke tahun 2016 iaitu sebanyak 21.51% (1926 orang). Hal ini mungkin disebabkan oleh penggunaan laptop sendiri yang membolehkan pengguna mengakses maklumat di mana-mana kawasan perpustakaan yang lebih selesa mengikut kehendak masing-masing. Selain dari menyediakan perkhidmatan kemudahan ICT kepada pengguna, Perpustakaan Kampus Bandar juga ada menawarkan kemudahan penggunaan kabel internet dan sambutan amatlah menggalakkan. Bagi tahun 2016, seramai **744 pengguna** Perpustakaan Kampus Bandar telah menggunakan kemudahan yang ditawarkan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6.4 TEMPAHAN RUANG

Perpustakaan Kampus Bandar juga telah menyediakan kemudahan tempahan ruang atau bilik melalui perisian *SUPERSAAS.* Bagi mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh mengenai statistik penggunaan bilik perbincangan yang disediakan di perpustakaan, perkhidmatan ini telah digunapakai secara optimum. Disamping itu juga Perpustakaan Kampus Bandar turut menawarkan kemudahan bantuan alat pembelajaran kepada pengguna yang telah membuat permohonan tempahan bilik seperti *marker*, pemadam *whiteboard*, *extension* dan lain-lain. Perkhidmatan ini bermula pada bulan Februari 2014 dan mendapat sambutan yang berterusan dari pengguna sehingga sekarang. Berikut merupakan perbandingan tempahan bilik bagi tahun 2015 dan 2016.

| | TEMPAHAN RUANG | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Perkhidmatan | 2015 | | 2016 | | Petunjuk Prestasi |
| Sistem SuperSAAS | Bil. Permohonan | Bil. Pengguna | Bil. Permohonan | Bil. Pengguna | |
| | 1,172 | 6,556 | 1,016 | 6,198 | (-) 156 permohonan |

**Jadual 10: Statistik Perbandingan Perkhidmatan Tempahan Ruang melalui Sistem SUPERSAAS bagi tahun 2015 dan 2016**

### 6.5 PERKHIDMATAN TEMPAHAN BAHAN

Perkhidmatan ini merangkumi tempahan melalui kaunter, email Bookrequest (Order&Collect), Doorstep Delivery dan Sistem ILMU dimana ianya mendapat sambutan di kalangan pengguna perpustakaan. Sebanyak **88 naskah** bahan telah dipinjam dan direkodkan melalui perkhidmatan ini sepanjang tahun 2016.

### 6.6 PAMERAN KESEDARAN SEMASA

Perpustakaan Kampus Bandar juga mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran dan menambahkan pengetahuan pengguna perpustakaan melalui tujuh pameran yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 iaitu :-

| BIL. | BULAN | TAJUK PAMERAN |
|---|---|---|
| 1. | Januari | Kejayaan Gelombang Satu Kementerian Pendidikan Malaysia 2013-2015 |
| 2. | Mac | Zika Virus |
| 3. | Mei | 10 Ways to generate great ideas |
| 4. | Julai | 10 Tips to success |
| 5. | Ogos | Hari Kebangsaan |
| 6. | Oktober | TVET |
| 7. | Disember | 1 sudu teh garam sehari |

**Jadual 11: Senarai Pameran Perpustakaan Kampus Bandar 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6.7 KUTIPAN WANG KAUNTER

Sepanjang tahun 2016, jumlah kutipan wang kaunter di Perpustakaan Kampus Bandar adalah sebanyak **RM10,484.80.** Kutipan wang yang dilakukan oleh staf akan disemak oleh Pustakawan Cawangan dan kemudiannya diserahkan kepada pihak Pentadbiran Perpustakaan UTeM melalui Pembantu Operasi (PO). Walau bagaimanapun, pada bulan September 2016 terdapat perubahan pada kod transaksi kutipan wang kaunter dimana penambahbaikan pada kod dan borang perlu dilaksanakan mengikut cadangan dari pihak Audit UTeM. Bagi tahun 2016, transaksi Cetakan mencatatkan jumlah kutipan wang kaunter tertinggi diikuti oleh transaksi Denda. Berikut adalah butiran perbandingan kutipan wang Kaunter bagi tahun 2015 dan 2016:

| KUTIPAN WANG KAUNTER | | |
|---|---|---|
| **BUTIRAN TRANSAKSI** | **2015** | **2016** |
| Kutipan Tambah Nilai | 0.00 | 0.00 |
| Kutipan Denda | 2,230.10 | 994.40 |
| Kutipan Cetakan | 8,533.40 | 8341.40 |
| Kutipan Kad Fotokopi | 508.10 | 350.00 |
| Kutipan Buku Gantian (Hilang/Rosak) | 331.00 | 27.00 |
| Kutipan Bayaran Proses | 25.00 | 25.00 |
| Kutipan Sewa Loker | 284.00 | 618.00 |
| Kutipan Denda Sewa Loker | 76.20 | 119.00 |
| Kutipan Pendaftaran Keahlian Luar | 10.00 | 10.00 |
| Kutipan Pelbagai | 13.00 | 0.00 |
| Jumlah (RM) | 12,010.80 | 10,485.60 |

**Jadual 12: Perbandingan Kutipan Wang Kaunter bagi tahun 2015 dan 2016**

## 7.0 AKTIVITI BAHAGIAN SIRKULASI PERPUSTAKAAN CAWANGAN KAMPUS BANDAR 2016

### 7.1 Library Day

Perpustakaan Kampus Bandar turut bertanggungjawab melaksanakan beberapa aktiviti Library Day yang telah berlangsung di Kampus Induk dan Kampus Cawangan pada 2 hingga 4 Mac 2016 yang lepas. Antara pertandingan yang berlangsung di Kampus Bandar adalah Teka Muka Surat Buku dan juga Pengunjung Bertuah Perpustakaan.

### 7.2 Projek Semakan Stok (Stock Take)

Projek semakan stok Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar telah berlangsung pada 25 Julai sehingga 11 Ogos 2016 yang lalu di mana projek ini meliputi koleksi Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar sahaja. Tenaga kerja yang terlibat adalah seramai 3 orang yang terdiri daripada Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan. Tujuan projek ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui jumlah koleksi bahan Pepustakaan Kampus Bandar secara tepat dan memastikan katalog perpustakaan (WebOPAC) menunjukkan 'holdings' rekod yang tepat beserta status terkini bahan.

### 7.3 Perkhidmatan baharu

Antara perkhidmatan-perkhidmatan baru yang telah diperkenalkan di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar adalah seperti berikut:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

#### 7.3.1 Hari Layan Diri

Perpustakaan Induk dan Cawangan telah melaksanakan HARI LAYAN DIRI pada setiap hari Rabu bermula 24 Februari 2016 di mana ianya melibatkan proses peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan menggunakan mesin layan diri iaitu *'Self-Check'* dan *'Bookdrop'*. Tiada transaksi (kecuali pembayaran denda & masalah teknikal) di Kaunter Sirkulasi sepanjang Hari Layan Diri berlangsung. Tujuan pelaksanaan Hari Layan Diri ini adalah untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan yang telah disediakan oleh Perpustakaan.

#### 7.3.2 Maklumat Tambahan di Belakang Resit

Perkhidmatan baru ini memberi maklumat tambahan kepada pengguna perpustakaan mengenai User Account Perpustakaan UTeM di mana tatacara untuk memperbaharui buku pinjaman masing-masing telah dipamerkan di bahagian belakang resit ILMU. Perkhidmatan ini secara tidak langsung bertindak sebagai reminder dan dapat mengurangkan denda lewat pulang buku dikenakan.

### 7.4 Postgraduate Corner

Satu ruang telah diwujudkan dengan kemudahan meja dan kerusi disediakan untuk tujuan pembelajaran dan perbincangan khas kepada pelajar-pelajar peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar.

## 8.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar telah beroperasi dengan baik dan bertindak sebagai Pusat Rujukan Maklumat khususnya kepada warga Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) dan seluruh warga UTeM amnya. Dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan baru dan juga kemudahan pembelajaran yang sentiasa di naik taraf dari semasa ke semasa dapat membantu dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga UTeM. Koleksi perpustakaan yang semakin bertambah turut memberi ruang dan pilihan kepada pengguna perpustakaan untuk mendapatkan sumber maklumat yang pelbagai dan bersesuaian dengan bidang yang diceburi. Perpustakaan bukan sahaja berharap dapat menyediakan kemudahan dan peralatan yang lebih sistematik malah turut berharap agar terdapat penambahan ruang dan staf di Perpustakaan Kampus Bandar bagi tahun berikutnya supaya dapat mempertingkatkan lagi usaha dan membaiki mutu perkhidmatan sekaligus memenuhi kehendak pengguna dalam pelbagai aspek.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# KAMPUS TEKNOLOGI

## 1.0 PENGENALAN

Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi telah beroperasi dengan baik sepanjang tahun 2016. Pengoperasiannya memenuhi keperluan maklumat dan rujukan kepada warga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Teknologi (FTK) secara khususnya dan warga Kampus Teknologi secara amnya. Laporan tahunan 2016 ini meliputi aspek prasarana, sumber manusia, perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sepanjang tahun 2016 di Perpustakaan Kampus Cawangan Teknologi.

## 2.0 SUMBER MANUSIA

Bagi tahun 2016, Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi mempunyai **4 orang staf** yang terdiri dari seorang Pustakawan (S41), dengan dibantu oleh seorang Pembantu Pustakawan Kanan (S22) dan dua orang Pembantu Pustakawan (S19). Berikut merupakan jumlah staf yang terlibat di Kampus Bandar:

| Jawatan | Bilangan |
|---|---|
| Pustakawan | 1 |
| Pembantu Pustakawan | 3 |
| Jumlah Keseluruhan | 4 |

**Jadual 1: Bilangan Staf Terlibat Di Perpustakaan Kampus Teknologi**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**STAF BAHAGIAN SIRKULASI PERPUSTAKAAN**
**CAW. KAMPUS TEKNOLOGI 2016**



**Norshahila Binti Che Din**
Librarian
*B.Sc. Information Studies (Library & Info. Mgt)(UiTM)*
Email: norshahila@utem.edu.my
Tel: 06-2833519



**Norfahrizan Binti Juhari**
Senior Librarian Assistant
Email: norfahrizan@utem.edu.my
Tel: 06-2346842



**Rohana Binti Hashim**
Librarian Assistant
Email: rohanahashim@utem.edu.my
Tel: 06-2346842



**Khairul Redzwan Bin Md Ali**
Librarian Assistant
Email: khairul.redzwan@utem.edu.my
Tel: 06-2346842

**Carta 1: Staf Perpustakaan Kampus Teknologi**

## 3.0 WAKTU PERKHIDMATAN

Waktu perkhidmatan perpustakaan cawangan adalah kekal seperti tahun sebelumnya iaitu bermula jam 8.00 pagi sehingga 7.00 malam manakala operasi pada waktu cuti semester akhir adalah bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja. Perpustakaan Kampus Teknologi turut dibuka pada hari Sabtu dan Ahad kecuali Cuti Umum bermula jam 10 pagi sehingga 3 petang.

## 6.0 PRASARANA / PERALATAN

Bagi tahun 2016 antara peralatan/perabot yang diterima oleh Perpustakaan Kampus Teknologi bagi mempertingkatkan lagi kualiti servis adalah seperti berikut:-

| Tarikh Terima | Nama Perabot | Kuantiti | Lokasi Penempatan |
|---|---|---|---|
| Julai 2016 | Cash Register Baru | 1 unit | Kaunter Sirkulasi |
| Mac 2016 | Whiteboard | 1 unit | Bilik Tayangan 2 |
| Ogos 2016 | Mesin Fotokopi Canon | 1 unit | Ruang Kerja Staf |

**Jadual 2: Penerimaan Perabot/Peralatan di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar 2016**

Sebanyak **19 buah komputer** masih kekal disediakan kepada pengguna di Bilik Pangkalan Data 1 dan 2 untuk tujuan akses kepada Internet, pencarian jurnal dan tugasan individu/berkumpulan. Selain tu, terdapat juga beberapa buah komputer lain yang disediakan bagi kemudahan mencetak, WebOPAC dan urusan di kaunter. Navigator turut diletakkan di cawangan sebagai kemudahan terkini kepada pengguna perpustakaan. Berikut merupakan jumlah komputer dan lokasi ditempatkan di Perpustakaan Kampus Teknologi:

| Lokasi | Kegunaan | Kuantiti |
|---|---|---|
| Kaunter Sirkulasi | Urusan Kaunter | 3 unit |
| Bilik Pangkalan Data (1&2) | Internet/Tugasan/Pangkalan Data | 19 unit |
| Ruang Pengguna | Perkhidmatan mencetak | 2 unit |
| Ruang Pengguna (WebOPAC) | Pencarian bahan perpustakaan | 2 unit |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **26 unit** |

**Jadual 3: Jumlah Komputer & Lokasi di Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi Tahun 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 7.0 KOLEKSI

Koleksi Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi terdiri dari Bahan Monograf dan Bahan Terbitan Bersiri. Jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga 2016 ialah berjumlah **10,405 naskah**,

Penerimaan bahan Monograf menurun hampir separuh dari jumlah penerimaan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 58.23% (289 naskah) di mana perkara ini mungkin disebabkan oleh pengurangan bajet yang diperuntukan bagi pembelian buku dan juga kelewatan proses penerimaan bagi bahan yang telah dibuat pembelian pada tahun 2016. Manakala bagi bahan terbitan bersiri pula dilihat meningkat sebanyak 22.71 % (47 naskah) berbanding tahun 2015. Berikut adalah maklumat perbandingan untuk tahun 2015 – 2016 :-

| BAHAN MONOGRAF | 2015 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | judul | naskah | judul | naskah |
| Buku Baru | 54 | 59 | 16 | 16 |
| Buku Sumbangan | 23 | 254 | 96 | 96 |
| Koleksi UTeM | 72 | 79 | 12 | 12 |
| Jurnal Berjilid | 17 | 103 | 58 | 81 |
| Bahan KWP | 0 | 0 | 1 | 1 |
| **Jumlah Penerimaan** | **166** | **495** | **183** | **206** |

**Jadual 4: Perbandingan Penerimaan Bahan Monograf untuk Tahun 2015 - 2016**

| BAHAN TERBITAN BERSIRI | 2015 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | judul | naskah | judul | naskah |
| Jurnal & Majalah Tetap | 42 | 141 | 34 | 196 |
| Jurnal & Majalah Sumbangan | 17 | 19 | 8 | 11 |
| **Jumlah Penerimaan** | **59** | **160** | **42** | **207** |

**Jadual 5: Perbandingan Penerimaan Bahan Terbitan BErsiri untuk Tahun 2015 - 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# 6.0. STATISTIK PERKHIDMATAN

## 6.1 STATISTIK KEHADIRAN PENGGUNA

Sehingga 31 Disember 2016, pengguna yang berkunjung ke perpustakaan adalah seramai **31,435 orang**. Peningkatan kunjungan berlaku pada kadar 11.02% (3463 orang) dari jumlah pengunjung pada tahun 2015 yang berjumlah **27,972 orang**.

Jumlah peningkatan kunjungan dilihat meningkat pada bulan Mac, Mei, November dan Disember pada tahun ini. Berikut merupakan carta perbandingan statistik kehadiran pengguna ke Perpustakaan Kampus Teknologi bagi tahun 2015 dan 2016:

| Tahun | Jumlah Kehadiran Pengguna |
|---|---|
| 2015 | 27,972 orang |
| 2016 | 31,435 orang |

**Jadual 6: Kehadiran Pengguna Bagi Tahun 2015 & 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Carta 2: Perbandingan Statistik Kehadiran Pengguna Bagi tahun 2015 dan 2016**




**Carta 3: Perbandingan Statistik Kehadiran Pengguna Sepanjang Tahun 2015 dan 2016**

### 6.2 STATISTIK PINJAMAN BAHAN

Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi **tahun 2016** adalah sebanyak **2,575 naskah** manakala bagi **tahun 2015** sebanyak **3,332 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **757 naskah.** Perkara ini mungkin disumbang oleh faktor penggunaan pangkalan data atau lain-lain sumber atas talian dikalangan pelajar dan pensyarah jika dibandingkan dengan bahan fizikal. Jumlah pinjaman yang berkurangan adalah sewaktu cuti semester iaitu pada bulan Jan, Julai dan Ogos.

| Tahun | Jumlah Pinjaman Keseluruhan (naskah) |
|---|---|
| **2015** | 3,332 |
| **2016** | 2,575 |

**Jadual 7: Jumlah Pinjaman Bahan Bagi Tahun 2015 & 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Carta 4: Perbandingan Statistik Pinjaman Bahan Bagi Tahun 2015 dan 2016**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Carta 5 : Perbandingan Statistik Pinjaman Bahan Sepanjang Tahun 2015 dan 2016**

| BULAN | PINJAMAN BAHAN | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | ACD | ADM | DEG | DIP | ENG | ILL | MS | OFC | PHD | JUMLAH |
| JANUARI | 17/37 | 0 | 10/18 | 0/0 | 2/2 | 0/0 | 15/43 | 0/0 | 2/4 | 46/104 |
| FEBRUARI | 22/61 | 4/7 | 71/115 | 5/10 | ½ | 0/0 | 14/22 | 0/0 | 1/1 | 118/218 |
| MAC | 25/65 | 3/8 | 209/355 | 5/7 | 2/3 | 0/0 | 12/20 | 1/1 | 1/1 | 258/450 |
| APRIL | 10/14 | 3/3 | 115/176 | 7/11 | 0/0 | 0/0 | 13/22 | 0/0 | 0/0 | 148/226 |
| MEI | 14/28 | 0/0 | 161/274 | 5/5 | 3/4 | 0/0 | 9/14 | 0/0 | 0/0 | 192/325 |
| JUN | 17/50 | 2/4 | 37/70 | 4/4 | 1/1 | 1/1 | 8/16 | 0/0 | 0/0 | 70/146 |
| JULAI | 10/20 | 0/0 | 0/0 | 0/0 | 0/0 | 0/0 | 8/15 | 0/0 | 0/0 | 18/35 |
| OGOS | 23/50 | 0/0 | 5/16 | 0/0 | 3/7 | 0/0 | 9/16 | 0/0 | 0/0 | 40/89 |
| SEPTEMBER | 23/47 | 0/0 | 120/185 | 6/8 | 5/10 | 1/1 | 19/38 | 0/0 | 1/2 | 175/291 |
| OKTOBER | 14/28 | 2/2 | 109/167 | 4/5 | 0/0 | 0/0 | 7/14 | 0/0 | 0/0 | 136/216 |
| NOVEMBER | 16/31 | 0/0 | 155/231 | 18/29 | 0/0 | 0/0 | 13/27 | 0/0 | 0/0 | 202/318 |
| DISEMBER | 7/9 | 1/1 | 64/94 | 4/6 | 2/5 | 0/0 | 0/0 | 15/42 | 0/0 | 93/157 |
| JUMLAH | 198/430 | 15/25 | 1056/1701 | 58/85 | 19/34 | 2/2 | 127/247 | 16/43 | 5/8 | 1496 orang/ 2575 naskah |

**Jadual 8: Pecahan Pinjaman Bahan Mengikut Kategori Pengguna 2016**

**Petunjuk :**

**ACD = Academic Staff**
**DEG = Degree Student**
**OFC = Senior Officer**

**ENG = Engineering Teacher**
**ILL = Inter Library Loan**
**MS = Master Student**

**ADM = Administration Staff**
**DIP = Diploma Student**
**PHD = Doc. Of Philisophy Student**

## 6.3 STATISTIK PERKHIDMATAN ICT

Berikut adalah maklumat sambutan Perkhidmatan ICT dari pihak pengguna perpustakaan dan juga perbandingan untuk tahun 2015 dan 2016.

| | PENGGUNAAN ICT | | |
|---|---|---|---|
| Tahun | **2015** | **2016** | Petunjuk Prestasi |
| Sistem Cybera | 9448 | 7890 | (-) 1558 orang |
| IPad | 12 | 10 | (-) 2 orang |

**Jadual 9: Perbandingan Penggunaan Perkhidmatan ICT Tahun 2015 dan 2016**

Seperti tahun sebelumnya, Perpustakaan Kampus Teknologi menyediakan Pekhidmatan ICT melalui perisian Cybera. Berdasarkan jadual di atas, terdapat penurunan penggunaan komputer untuk kegunaan internet dan tugasan dari tahun 2015 ke tahun 2016 iaitu sebanyak 16.49% (1558 orang). Hal ini mungkin disebabkan oleh penggunaan laptop sendiri yang membolehkan pengguna mengakses maklumat di mana-mana kawasan perpustakaan yang lebih selesa mengikut kehendak masing-masing. Selain dari menyediakan perkhidmatan kemudahan ICT kepada pengguna, Perpustakaan Kampus Teknologi juga ada menawarkan kemudahan penggunaan kabel internet dan sambutan amatlah menggalakkan. Bagi tahun 2016, seramai **1361 pengguna** Perpustakaan Kampus Teknologi telah menggunakan kemudahan yang ditawarkan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6.4 TEMPAHAN RUANG

Perpustakaan Kampus Teknologi juga telah menyediakan kemudahan tempahan ruang atau bilik melalui perisian *SUPERSAAS*. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh mengenai statistik penggunaan bilik perbincangan, bilik tayangan dan bilik mesyuarat yang disediakan di Perpustakaan Kampus Teknologi, perkhidmatan ini telah digunapakai secara optimum. Disamping itu juga perpustakaan turut menawarkan kemudahan bantuan alat pembelajaran kepada pengguna yang telah membuat permohonan tempahan bilik seperti *marker*, pemadam *whiteboard*, *extension* dan lain-lain. Perkhidmatan ini bermula pada bulan Februari 2014 dan mendapat sambutan yang berterusan dari pengguna sehingga sekarang. Berikut merupakan perbandingan tempahan bilik bagi tahun 2015 dan 2016.

| | TEMPAHAN RUANG | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Perkhidmatan | 2015 | | 2016 | | Petunjuk Prestasi |
| Sistem SuperSAAS | Bil. Permohonan | Bil. Pengguna | Bil. Permohonan | Bil. Pengguna | |
| | 627 | 5,489 | 793 | 8,431 | (+) 166 permohonan |

**Jadual 10: Statistik Perbandingan Perkhidmatan Tempahan Ruang melalui Sistem SUPERSAAS bagi tahun 2015 dan 2016**

### 6.5 PERKHIDMATAN TEMPAHAN BAHAN

Perkhidmatan yang ditawarkan ini merangkumi tempahan bahan melalui kaunter Sirkulasi, Sistem ILMU, email Bookrequest(Order&Collect) dan Doorstep Delivery serta mendapat sambutan di kalangan pengguna perpustakaan dimana sebanyak **91 naskah** bahan telah dipinjam dan direkodkan melalui perkhidmatan ini sepanjang tahun 2016.

### 6.6 PAMERAN KESEDARAN SEMASA

Perpustakaan Kampus Teknologi juga mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran dan menambahkan pengetahuan pengguna perpustakaan melalui tujuh pameran yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 iaitu :-

| BIL. | BULAN | TAJUK PAMERAN |
|---|---|---|
| 1. | Januari | Kejayaan Gelombang Satu Kementerian Pendidikan Malaysia 2013-2015 |
| 2. | Mac | Zika Virus |
| 3. | Mei | 10 Ways to generate great ideas |
| 4. | Julai | 10 Tips to success |
| 5. | Ogos | Hari Kebangsaan |
| 6. | Oktober | TVET |
| 7. | Disember | 1 sudu teh garam sehari |

**Jadual 11: Senarai Pameran Perpustakaan Kampus Teknologi 2016**

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6.7 KUTIPAN WANG KAUNTER

Sepanjang tahun 2016, jumlah kutipan wang kaunter di Perpustakaan Kampus Teknologi adalah sebanyak **RM4,350.53.** Kutipan wang yang dilakukan oleh staf akan disemak oleh Pustakawan Cawangan dan kemudiannya diserahkan kepada pihak Pentadbiran Perpustakaan UTeM melalui Pembantu Operasi (PO). Walau bagaimanapun, pada bulan September 2016 terdapat perubahan pada kod transaksi kutipan wang kaunter dimana penambahbaikan pada kod dan borang perlu dilaksanakan mengikut cadangan dari pihak Audit UTeM. Bagi tahun 2016, jumlah kutipan bagi transaksi Denda dilihat berkurangan dari tahun 2015 dan ini menunjukkan sikap positif oleh pengguna di mana mereka sedar mengenai tarikh akhir pemulangan bahan yang dipinjam. Berikut adalah butiran perbandingan kutipan wang Kaunter bagi tahun 2015 dan 2016:

| KUTIPAN WANG KAUNTER | | |
|---|---|---|
| **BUTIRAN TRANSAKSI** | **2015** | **2016** |
| Kutipan Denda | 3,354.10 | 2746.40 |
| Kutipan Cetakan | 10.80 | 4.80 |
| Kutipan Kad Fotokopi | 220.00 | 340.00 |
| Kutipan Buku Gantian (Hilang/Rosak) | 997.44 | 922.93 |
| Kutipan Bayaran Proses | 125.00 | 75.00 |
| Kutipan Sewa Loker | 36.00 | 192.00 |
| Kutipan Denda Sewa Loker | 9.40 | 69.40 |
| Kutipan Pendaftaran Keahlian Luar | 0.00 | 0.00 |
| Kutipan Pelbagai | 11.00 | 0.00 |
| **Jumlah (RM)** | **4,763.74** | **4,350.53** |

**Jadual 12: Perbandingan Kutipan Wang Kaunter bagi tahun 2015 dan 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 7.0 AKTIVITI BAHAGIAN SIRKULASI PERPUSTAKAAN CAWANGAN KAMPUS TEKNOLOGI 2016

### 7.1 Library Day

Perpustakaan Kampus Teknologi turut terlibat melaksanakan beberapa aktiviti Library Day yang telah berlangsung di Kampus Induk dan Kampus Cawangan pada 2 hingga 4 Mac 2016 yang lepas. Antara pertandingan yang berlangsung di Kampus Teknologi adalah Teka Muka Surat Buku dan juga Pengunjung Bertuah Perpustakaan.

### 7.2 Projek Semakan Stok (Stock Take)

Projek semakan stok Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi telah berlangsung pada 25 Julai sehingga 11 Ogos 2016 yang lalu di mana projek ini meliputi koleksi Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi sahaja. Tenaga kerja yang terlibat adalah seramai 4 orang yang terdiri daripada Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan. Tujuan projek ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui jumlah koleksi bahan Pepustakaan Kampus Teknologi secara tepat dan memastikan katalog perpustakaan (WebOPAC) menunjukkan 'holdings' rekod yang tepat beserta status terkini bahan.

### 7.3 Perkhidmatan baharu

Antara perkhidmatan-perkhidmatan baru yang telah diperkenalkan di Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi adalah seperti berikut:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

#### 7.3.1 Hari Layan Diri

Perpustakaan Induk dan Cawangan telah melaksanakan HARI LAYAN DIRI pada setiap hari Rabu bermula 24 Februari 2016 di mana ianya melibatkan proses peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan menggunakan mesin layan diri iaitu *'Self-Check'* dan *'Bookdrop'*. Tiada transaksi (kecuali pembayaran denda & masalah teknikal) di Kaunter Sirkulasi sepanjang Hari Layan Diri berlangsung. Tujuan pelaksanaan Hari Layan Diri ini adalah untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan yang telah disediakan oleh Perpustakaan.

#### 7.4.2 Maklumat Tambahan di Belakang Resit

Perkhidmatan baru ini memberi maklumat tambahan kepada pengguna perpustakaan mengenai User Account Perpustakaan UTeM di mana tatacara untuk memperbaharui buku pinjaman masing-masing telah dipamerkan di bahagian belakang resit ILMU.

Perkhidmatan ini secara tidak langsung bertindak sebagai reminder dan dapat mengurangkan denda lewat pulang buku dikenakan.

#### 7.4.3 Perkhidmatan Swegway

Satu unit Swegway disediakan kepada pengguna Perpustakaan Kampus Teknologi bagi memberikan kelainan, keseronokan, memudahkan serta mempercepatkan masa pengguna mencari bahan rujukan di perpustakaan selain mengikut peredaran teknologi semasa.

### 7.5 Maklumat pada Papan Kenyataan

Projek keceriaan Papan Kenyataan Perpustakaan Kampus Teknologi telah dilakukan dan dikemaskini dengan penambahan maklumat mengenai senarai bahan baru perpustakaan bagi membantu proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga Fakulti FTK dan FKM khususnya dan seluruh warga UTeM amnya. Maklumat ini juga bertujuan membantu pengguna mengetahui koleksi terkini yang terdapat di perpustakaan cawangan selain mempromosikan bahan baru.

## 8.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, Perpustakaan Cawangan Kampus Teknologi telah beroperasi dengan baik dan merupakan Pusat Rujukan Maklumat kepada warga universiti khususnya seluruh warga Kampus Teknologi. Dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan baru dan juga kemudahan pembelajaran yang sentiasa di naik taraf dari semasa ke semasa dapat membantu dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga UTeM. Koleksi perpustakaan yang semakin bertambah turut memberi ruang dan pilihan kepada pengguna perpustakaan untuk mendapatkan sumber maklumat yang pelbagai dan bersesuaian dengan bidang yang diceburi. Perpustakaan berharap dapat menyediakan kemudahan dan peralatan yang lebih sistematik dan terkini pada masa akan datang agar dapat mempertingkatkan lagi usaha dan membaiki mutu perkhidmatan sekaligus memenuhi kehendak pengguna dalam pelbagai aspek.

# SEKSYEN PENGINDEKSAN

## PENGENALAN

Seksyen Pengindeksan merupakan salah satu seksyen yang bertanggungjawab dalam memproses sumber rujukan sebagai koleksi bagi perpustakaan seterusnya tersedia untuk kegunaan para pengguna. Ia merupakan antara seksyen terpenting di dalam pengurusan perpustakaan yang melibatkan proses mengkatalog semua jenis bahan yang diperolehi menerusi aktiviti pembelian, langganan atau sumbangan untuk dijadikan koleksi perpustakaan. Seksyen Pengindeksan juga bertanggungjawab untuk mendigitalkan bahan Koleksi Khas UTeM untuk dimuatnaik ke dalam Repositori Institusi (UTeM-IR).Namun tugas pendigitalan ini hanya dilaksanakan pada Januari – Februari sahaja sebelum berlaku perubahan penstrukturan pada Mac 2016.

## OBJEKTIF SEKSYEN

Seksyen Pengindeksan menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai seperti berikut:

- Memproses bahan buku/ media menggunakan aplikasi sistem perpustakaan ILMU.
- Memastikan setiap bahan yang diterima dikatalog mengikut perkara tertentu dan diberi nombor panggilan.
- Menyediakan sistem pencarian bahan yang efisien bagi memudahkan pengguna mengakses bahan-bahan di perpustakaan.

UTeM
اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## STAF SEKSYEN

Sehingga tarikh 31 Disember 2016, bilangan staf yang bertugas di Seksyen Pengindeksan adalah seramai 8 orang yang mewakili semua peringkat jawatan seperti berikut :

| Bil. | Jawatan | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pustakawan Kanan | 1 | 1 | 1 |
| 2. | Pustakawan | 2 | 3 | 2 |
| 3. | Penolong Pegawai Perpustakaan | 1 | 1 | 1 |
| 4. | Pembantu Perpustakaan Kanan | 0 | 2 | 1 |
| 5. | Pembantu Perpustakaan | 5 | 3 | 3 |
| 6. | Pembantu Tadbir (P/O) | 0 | 1 | 0 |
| | **Jumlah** | **9** | **11** | **8** |

*1 Pembantu Perpustakaan dan 1 Pembantu Tadbir telah ditukarkan ke unit lain pada 1 April 2016

## PENERIMAAN BAHAN

### 1. BUKU BELIAN

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 760 naskah buku belian telah diterima oleh Seksyen Pengindeksan berbanding 287 naskah diterima pada tahun 2015. Bahan- bahan meliputi buku belian asal, CIP dan naskah tambahan (NT). Jadual menunjukkan peningkatan terhadap jumlah penerimaan buku belian sebanyak 473 naskah pada tahun 2016. Penurunan dan peningkatan jumlah penerimaan bahan daripada Seksyen Perolehan juga berkait rapat dengan jumlah bajet yang diterima.

**Statistik penerimaan buku pembelian Tahun 2015 dan 2016**

| Bahan | Tahun | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | Perbezaan |
| Buku (Asal) | 86 Judul<br>86 Naskah | 81 Judul<br>86 Naskah | (-) 5 Judul |
| Buku (CIP) | 185 Judul<br>186 Naskah | 625 Judul<br>650 Naskah | (+) 440 Judul<br>(+) 464 Naskah |
| Buku (NT) | 15 Naskah | 21 Naskah | (+) 6 Naskah |
| **Jumlah** | **286 Judul<br>287 Naskah** | **706 Judul<br>757 Naskah** | **(+) 435 Judul<br>(+) 470 Naskah** |

**Perbandingan jumlah penerimaan buku pembelian tahun 2015 dan 2016**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Jumlah bilangan mengikut naskah*

## 2. BUKU KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN (KWP)

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 26 judul/29 naskah buku KWP diterima daripada Bahagian Perolehan. Buku-buku ini dibeli menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Penyelidikan di CRIM.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 3. JURNAL/TERBITAN BERKALA

Sepanjang tahun 2016, sejumlah **146 Judul / 298 naskah jurnal** dan terbitan berkala telah diterima oleh Seksyen Pengindeksan berbanding **94 Judul / 163 naskah** diterima pada tahun 2015. Bahan- bahan meliputi Jurnal Hadiah dan Jurnal Berjilid. Jadual menunjukkan peningkatan terhadap jumlah penerimaan jurnal/terbitan berkala sebanyak **135 naskah** pada tahun 2016.

**Statistik penerimaan jurnal dan terbitan berkala tahun 2015 dan 2016**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Jurnal Baru | - | - | - |
| Jurnal Hadiah | 29 Judul<br>36 Naskah | 11 Judul<br>17 Naskah | (-) 19 Naskah |
| Jurnal Jilid | 65 Judul<br>127 Naskah | 135 Judul<br>281 Naskah | (+) 154 Naskah |
| **Jumlah** | **94 Judul<br>163 Naskah** | **146 Judul<br>298 Naskah** | **(+) 135 Naskah** |

## 4. HADIAH DAN SUMBANGAN

Sepanjang tahun 2016, sejumlah **619 naskah** hadiah dan sumbangan telah diterima oleh Seksyen Pengindeksan berbanding **1128 naskah** diterima pada tahun 2015. Bahan-bahan meliputi laporan tahunan dan buku-buku sumbangan. Jadual menunjukkan **pengurangan** terhadap jumlah penerimaan hadiah dan sumbangan sebanyak **509 naskah** pada tahun 2016.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Statistik penerimaan buku hadiah dan sumbangan Tahun 2015 dan 2016**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Buku Terbitan Luar | - | - | - |
| Laporan Tahunan | 45 Judul<br>207 Naskah | 19 Judul<br>121 Naskah | (-) 86 Naskah |
| Buku Sumbangan | 424 Judul<br>921 Naskah | 302 Judul<br>498 Naskah | (-) 423 Naskah |
| **Jumlah** | **469 Judul<br>1128 Naskah** | **321 Judul<br>619 Naskah** | **(-) 509 Naskah** |

## 5. KOLEKSI KHAS

Sepanjang tahun 2016, sejumlah **1544 judul / 1582 naskah** bahan Koleksi Khas telah diterima oleh Seksyen Pengindeksan berbanding **2015 judul / 2027 naskah** diterima pada tahun 2015. Bahan- bahan meliputi Projek Sarjana Muda, Tesis, dan buku terbitan UTeM. Jadual menunjukkan **pengurangan** terhadap jumlah penerimaan buku Koleksi Khas sebanyak **445 naskah** pada tahun 2016.

**Statistik penerimaan bahan Koleksi Khas tahun 2015 dan 2016**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Projek Sarjana Muda | 1715 Judul<br>1715 Naskah | 1368 Judul<br>1368 Naskah | (-) 347 Naskah |
| Tesis | 284 Judul<br>284 Naskah | 126 Judul<br>126 Naskah | (-) 158 Naskah |
| PJP | - | 31 Judul<br>31 Naskah | (+) 31 Naskah |
| Buku Terbitan UTeM | 16 Judul<br>28 Naskah | 19 Judul<br>57 Naskah | (+) 29 Naskah |
| Kertas Peperiksaan | | - | - |
| Makalah UTeM | - | - | - |
| MoU | - | - | - |
| Kertas seminar/ kursus | - | - | - |
| **Jumlah** | **2015 Judul<br>2027 Naskah** | **1544 Judul<br>1582 Naskah** | **(-) 445 Naskah** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6. BAHAN MEDIA

Sepanjang tahun 2016, sejumlah **1343 judul / 1386 naskah** bahan media telah diterima oleh Seksyen Pengindeksan berbanding 1855 Judul / 1892 naskah diterima pada tahun 2015. Bahan- bahan meliputi bahan media asal, bahan media sumbangan dan bahan media Koleksi Khas. Jadual menunjukkan penurunan terhadap jumlah penerimaan bahan media sebanyak **506 naskah** pada tahun 2016.

**Statistik penerimaan bahan media tahun 2015 dan 2016**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Media Asal | 8 Judul<br>11 Naskah | - | (-) 11 Naskah |
| Media Iringan | - | 9 Judul<br>9 Naskah | (+) 9 Naskah |
| Media Sumbangan | 57 Judul<br>86 Naskah | 15 Judul<br>55 Naskah | (-) 31 Naskah |
| Media Koleksi Khas | 1790 Judul<br>1795 Naskah | 1319 Judul<br>1322 Naskah | (-) 473 Naskah |
| **Jumlah** | **1855 Judul<br>1892 Naskah** | **1343 Judul<br>1386 Naskah** | **(-) 506 Naskah** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGKATALOGAN

### 1. BUKU BELIAN

Pada tahun 2016, sejumlah 757 naskah buku belian telah diproses oleh Seksyen Pengindeksan berbanding 680 naskah pada tahun 2015. Bahan tersebut merangkumi 86 naskah buku asal, 649 naskah buku CIP dan 22 naskah buku naskah tambahan. Jadual di bawah menunjukkan **peningkatan** jumlah pengkatalogan buku belian sebanyak **77 naskah** pada tahun 2016.

**Statistik pengkatalogan buku belian 2015 dan 20156**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Buku (Asal) | 291 Judul<br>291 Naskah | 81 Judul<br>86 Naskah | (-) 205 Naskah |
| Buku (CIP) | 366 Judul<br>367 Naskah | 624 Judul<br>649 Naskah | (+) 282 Naskah |
| Buku (NT) | 22 Naskah | 22 Naskah | 0 Naskah |
| **Jumlah** | **657 Judul<br>680 Naskah** | **705 Judul<br>757 Naskah** | **(+) 77 Naskah** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Perbandingan jumlah pengeluaran buku pembelian tahun 2014 dan 2015**




**Jumlah bilangan mengikut naskah*

## 2. BUKU KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN (KWP)

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 25 judul dan 29 naskah buku KWP diterima dan dikatalog. Buku-buku ini dibeli menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Penyelidikan di CRIM.

## 3. BAHAN TERBITAN BERKALA

Bagi bahan terbitan berkala, sejumlah 11 judul (17 naskah) jurnal hadiah dan 135 judul (281 naskah ) jurnal berjilid telah berjaya diproses pada tahun 2016. Jadual menunjukkan **peningkatan** terhadap bahan terbitan berkala sebanyak **28 naskah** pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

**Pencapaian keseluruhan aktiviti mengindeks Bahan Terbitan Berkala**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Jurnal Baru | 0 Judul<br>0 Naskah | 0 Judul<br>0 Naskah | 0 n |
| Jurnal Hadiah | 32 Judul<br>45 Naskah | 11 Judul<br>17 Naskah | (-) 28 Naskah |
| Jurnal Berjilid | 112 Judul<br>225 Naskah | 135 Judul<br>281 Naskah | (+) 56 Naskah |
| Jumlah | 144 Judul<br>270 Naskah | 146 Judul<br>298 Naskah | (+) 28 Naskah |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jumlah Pengeluaran Bahan Terbitan Berkala Tahun 2015 dan 2016**




**Jumlah bilangan mengikut naskah*

UTeM
اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 4. BAHAN HADIAH DAN SUMBANGAN

Bagi bahan hadiah dan sumbangan, sejumlah 354 judul (614 naskah) buku terbitan luar dan 34 judul (143 naskah ) laporan tahunan luar telah berjaya diproses pada tahun 2016. Jadual menunjukkan **penurunan** terhadap buku terbitan luar dan laporan tahunan sebanyak **603 naskah** pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

**Pencapaian keseluruhan aktiviti mengindeks bahan hadiah dan sumbangan**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Buku terbitan luar | 617 Judul<br>1136 Naskah | 354 Judul<br>614 Naskah | (-) 522 Naskah |
| Laporan Tahunan | 54 Judul<br>224 Naskah | 34 Judul<br>143 Naskah | (-) 81 Naskah |
| Kertas seminar | - | - | - |
| Jumlah | 671 Judul<br>1360 Naskah | 388 Judul<br>757 Naskah | (-) 603 Naskah |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jumlah Pengeluaran Bahan Hadiah dan Sumbangan Tahun 2015 dan 2016**




**Jumlah bilangan mengikut naskah*

## 5. BAHAN KOLEKSI KHAS

Bagi bahan koleksi khas, sejumlah 1683 judul (1683 naskah) Projek Sarjana Muda telah diproses berbanding 1740 judul (1740 naskah) pada tahun 2015. Bagi koleksi Buku terbitan UTeM sebanyak 23 judul (60 naskah) telah diproses berbanding 95 judul (113 naskah) pada tahun 2015. Bagi tesis sejumlah 346 judul (346 naskah) telah diproses pada tahun 2016. Jadual menunjukkan **peningkatan** sebanyak **100** naskah Bahan Koleksi Khas pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

**Pencapaian keseluruhan aktiviti mengindeks Bahan Koleksi Khas**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Projek Sarjana Muda | 1740 Judul<br>1740 Naskah | 1683 Judul<br>1683 Naskah | (-) 57 Naskah |
| Tesis | 176 Judul<br>176 Naskah | 346 Judul<br>346 Naskah | (+) 170 Naskah |
| Penyelidikan Jangka Pendek | 5 Judul<br>5 Naskah | 82 Judul<br>82 Naskah | (+) 77 Naskah |
| Buku Terbitan UTeM | 95 Judul<br>113 Naskah | 23 Judul<br>60 Naskah | (-) 53 Naskah |
| Laporan tahunan UTeM | - | - | - |
| Makalah | - | - | - |
| Kertas peperiksaan | 33 Judul<br>33 Naskah | - | (-) 33 Naskah |
| Kertas seminar UTeM | - | - | - |
| Terbitan berkala UTeM | - | - | - |
| Pekeliling | 4 Judul<br>4 Naskah | - | (-) 4 Naskah |
| **Jumlah** | **2053 Judul<br>2071 Naskah** | **2134 Judul<br>2171 Naskah** | **(+) 100 Naskah** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 6. BAHAN MEDIA

Bahan media yang telah dikatalog sepanjang tahun 2016, adalah sebanyak 2739 judul (2779 naskah) melibatkan 24 judul (63 naskah) bahan media sumbangan dan 2715 judul (2716 naskah) bahan media koleksi khas. Perbandingan tahun 2015, berlaku penurunan sebanyak 174 naskah bagi bahan media sumbangan dan bagi naskah bahan media Koleksi Khas meningkat kepada 1814 nakash. Keseluruhan, pengkatalogan bahan media meningkat sebanyak 1612 naskah berbanding tahun 2015.

**Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Mengindeks Bahan Media**

| Bahan | Tahun | | Pertambahan / Pengurangan |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | |
| Bahan Media Asal | 25 Judul 28 Naskah | - | (-) 3 Naskah |
| Bahan Media Sumbangan | 192 Judul 237 Naskah | 24 Judul / 63 Naskah | (-) 174 Naskah |
| Bahan Media Koleksi khas | 897 Judul 902 Naskah | 2715 Judul 2716 Naskah | (+) 1814 Naskah |
| Jumlah | 1114 Judul 1167 Naskah | 2739 Judul 2779 Naskah | (+) 1612 Naskah |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENERIMAAN DAN PENGELUARAN BAHAN (TAHUN SEMASA) MENGIKUT KATEGORI

### Statistik penerimaan dan pengeluaran bahan tahun 2016

| Bahan | Tahun 2016 | | |
|---|---|---|---|
| | **Penerimaan** | **Pengeluaran** | **Peratus** |
| **BUKU BELIAN** | | | |
| Buku (Asal) | 81j/86n | 81j/86n | 100% |
| Buku (CIP) | 624j/649n | 624j/649n | 100% |
| Buku (NT) | 22n | 22n | 100% |
| **BUKU KWP** | | | |
| Buku | 26j/29n | 25j/29n | 100% |
| **TERBITAN BERKALA** | | | |
| Jurnal Baru | - | 0j/ 0n | |
| Jurnal Hadiah | 11j/17n | 11j/17n | 100% |
| Jurnal Jilid | 135j/281n | 135j/281n | 100% |
| **HADIAH & SUMBANGAN** | | | |
| Laporan Tahunan | 19j/ 121n | 34j/ 143n | 100% |
| Buku Sumbangan | 302j/ 498n | 354j/ 614n | 100% |
| **KOLEKSI KHAS** | | | |
| Projek Sarjana Muda | 1368j/1368n | 1683j/ 1683n | 100% |
| Tesis | 126j/126n | 346j/346n | 100% |
| PJP | 31j/31n - | 82j/82n | 100% |
| Buku Terbitan UTeM | 19j/57n | 23j/60n | 99% |
| Kertas Peperiksaan | - | - | |
| Makalah UTeM | - | - | |
| MoU | - | - | |
| Kertas seminar/ kursus | - | - | |
| Pekeliling | - | - | |
| **BAHAN MEDIA** | | | |
| Media Asal | 36j/14n | 11j/11n | 94% |
| Media Sumbangan | 15j/55n | 13j/52n | 94% |
| Media Koleksi Khas | 1319j/1322n | 2715j/ 2716n | 100% |
| **JUMLAH** | **4062j/ 4607n** | **6137j/ 6791n** | |
| **PERATUSAN** | **(4062n/ 4607n x100)** | **100 %** | |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 7. AKTIVITI PENDIGITALAN

Seksyen Pengindeksan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas mendigitalkan bahan Koleksi Khas UTeM semenjak tahun 2012. Namun begitu, aktiviti pendigitalan telah ditamatkan fungsinya di Seksyen Pengindeksan pada 1 Mac 2016. Fungsinya telah diambil alih oleh Bahagian Automasi. Berikut adalah statistik Januari hingga Februari :

| Bulan | Scan (judul) | Upload (judul) |
|---|---|---|
| Januari | 204 | 170 |
| Februari | 477 | 536 |
| Jumlah | 681 | 706 |

**Statistik Scan Individu Bahan Koleksi UTeM**

| Jenis Bahan (judul) | Jan | Feb | Jumlah |
|---|---|---|---|
| PSM ( hanya Gred A, A+, A-) | 150 | 45 | 195 |
| Tesis | 17 | 16 | 33 |
| MoU | | | |
| PJP | | | |
| Makalah / Artikel | | | |
| Kertas Peperiksaan | 37 | 416 | 453 |
| Nota Kursus / Seminar | | | |
| Teks Ucapan Naib Cancelor | | | |
| Kertas Persidangan | | | |
| Pekeliling | | | |
| JUMLAH | 204 | 477 | 681 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Statistik Upload Individu Bahan Koleksi UTeM**

| Jenis Bahan (judul) | Jan | Feb | Jumlah |
|---|---|---|---|
| PSM ( hanya Gred A, A+, A-) | 160 | 100 | 260 |
| Tesis | 10 | 23 | 33 |
| MoU | | | |
| PJP | | | |
| Makalah / Artikel | | | |
| Kertas Peperiksaan | | 413 | 413 |
| Nota Kursus / Seminar | | | |
| Teks Ucapan Naib Cancelor | | | |
| Kertas Persidangan | | | |
| Pekeliling | | | |
| JUMLAH | 170 | 536 | 706 |

## 8. PENGKATALOGAN RDA

Pada tahun 2016, Seksyen Pengindeksan telah mengorak langkah ke arah penggunaan format pengkatalogan **Resource Description Access (RDA)**. Bermula dengan penganjuran Perpustakaan UTeM dalam mengadakan Bengkel Pengkatalogan RDA pada 16-18 Mei 2016, Seksyen Pengindeksan telah membentuk satu jawatankuasa yang bertindak untuk membangunkan polisi dan manual serta penyediaan ke arah pelaksanaan pengkatalogan dengan standard baru tersebut. Jawatankuasa Pelaksana RDA telah dibentuk dengan keanggotaannya terdiri daripada Pustakawan di Seksyen Perolehan, Pengindeksan, Automasi dan Rujukan. Pada bulan November 2016, keseluruhan polisi dan manual serta modul katalog Sistem ILMU telah bersedia untuk transformasi kepada format RDA. Namun begitu, pelaksanaan sebenar akan direalisasikan pada Januari 2017 kerana sebahagian besar staf Unit Perolehan dan Pengindeksan terlibat dengan perubahan penstrukturan perpustakaan secara besar-besaran. Ini mengubah lanskap perpustakaan dengan penutupan Seksyen Perolehan dan Pengindeksan dan digabungkan dalam pembentukan **Bahagian Pembangunan Koleksi di bawah Pembangunan Sumber.**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| BIL. | SASARAN /PROJEK/PROGRAM | CAPAIAN 2016/KPI | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus dan latihan pengkatalogan<br>- Kursus retreat pengkatalogan dan semakan dasar<br>- Kursus Pengenalan Pengkatalogan RDA<br>- Latihan Pengkatalogan RDA | 100% selesai | Disediakan secara dalaman kepada semua staf Seksyen Perolehan dan Seksyen Pengindeksan. Pengenalan Pengkatalogan RDA diberikan kepada keseluruhan staf perpustakaan. |
| 2. | Pengkatalogan koleksi perpustakaan<br>- Buku belian<br>- Buku sumbangan<br>- Koleksi Khas- PSM/Tesis/PJP<br>- Media asal<br>- Media sumbangan<br>- Media iringan Koleksi Khas<br>- Jurnal bercetak | 6137 judul/ 6791 naskah | Buku belian dan Projek Sarjana Muda pelajar yang bergraduasi pada 2016 adalah stok bahan untuk dikatalog sehingga akhir tahun. |
| 3. | Pembentukan Jawatankuasa Pelaksana RDA dan penyediaan polisi pengkatalogan RDA | 100% selesai | Pengkatalogan menggunakan format RDA akan dilaksanakan pada 1 Disember 2016 sepenuhnya. |
| 4. | Senarai Bibliografi Bahan Keusahawanan | 100% selesai 635 judul | Penyediaan senarai bibliografi dalam format Harvard citation dan dimuatnaik di portal perpustakaan dengan kerjasama Seksyen Automasi. |
| 5. | Senarai Bahan Baru koleksi perpustakaan mengikut fakulti | 100% selesai Jan-Okt | Dikemaskini setiap bulan di Portal Perustakaan dengan kerjasama Seksyen Automasi. |
| 6. | Projek Semakan status 'Final Processing' Rekod Bibliografik | 100% selesai | Projek semakan telah dilaksanakan dengan melibatkan 2,684 rekod bibliografik. Laporan telah disediakan dan tindakan susulan untuk mengesan rekod yang bermasalah dilaksanakan secara berterusan. |
| 7. | Pendigitalan Kertas Soalan Peperiksaan tahun 2014/2015 | 100% selesai 973 judul | |
| **PELAKSANAAN BERTERUSAN** | | | |
| 1. | Mesyuarat Seksyen Pengindeksan<br>- 3 kali mesyuarat<br>- 1 kali perbincangan perancangan tahun 2017 | 75% selesai | Mesyuarat akan diadakan pada bulan Disember untuk pencapaian SKT bahagian 2016 dan pelaksanaan RDA. |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**KESIMPULAN**

Seksyen Pengindeksan mengalami kekurangan bahan secara belian bermula daripada tahun 2014 sehingga tahun 2016. Ini disebabkan oleh kekurangan peruntukan yang dialami oleh keseluruhan jabatan di Universiti. Namun begitu pencapaian pengeluaran bahan pada 2016 adalah meningkat sebanyak 22.2% iaitu 6,791 naskah berbanding 5,556 naskah tahun sebelumnya. Keseluruhan KPI Seksyen Pengindeksan telah berjaya dicapai sepenuhnya.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SEKSYEN PEROLEHAN

## PENGENALAN

- Perpustakaan mempunyai peranan yang besar kepada program pendidikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Salah satu aktiviti yang memberikan impak besar kepada aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan adalah penyediaan bahan rujukan yang terkini dan sesuai dengan bidang teras Universiti. Melalui dasar perolehan yang telus dalam memperolehi bahan rujukan yang berkualiti pada kos yang paling minima bagi memenuhi keperluan pengguna dengan menggunakan peruntukan kewangan yang disediakan.

- Seksyen Perolehan merupakan bahagian yang bertanggungjawab mengurus perolehan Perpustakaan UTeM bagi memastikan perolehan yang dibuat mematuhi prosedur yang sedia ada.

## MISI

- Menyediakan koleksi perpustakaan yang lengkap dan terkini dalam usaha membantu memberi maklumat dan menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## OBJEKTIF

- Membangunkan koleksi bahan dalam bidang teras Universiti secara komprehensif dan terkini.
- Memastikan koleksi bahan menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti.
- Memastikan koleksi buku teks atau rujukan umum bersesuaian dengan keperluan kursus dan fakulti/pusat tanggungjawab.

## STAF SEKSYEN PEROLEHAN

<table>
<tr><th>Jawatan</th><th>Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran dan Pangkalan Data</th><th>Unit Buku dan Jurnal</th></tr>
<tr><td>Timbalan Ketua Pustakawan</td><td colspan="2">1</td></tr>
<tr><td>Pustakawan Kanan</td><td>1</td><td></td></tr>
<tr><td>Pustakawan Kanan (Memangku)</td><td></td><td>1</td></tr>
<tr><td>Pembantu Pustakawan Kanan</td><td>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Pembantu Pustakawan</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Pembantu Tadbir (P/O)</td><td>1</td><td></td></tr>
</table>

Seksyen Perolehan mengandungi dua unit iaitu Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran dan Pangkalan Data serta Unit Buku dan Unit Jurnal. Bermula Januari hingga Ogos 2016, Seksyen Perolehan mempunyai lapan orag staf yang terdiri daripada Pustakawan Kanan (1 orang), Pustakawan Kanan (memangku, 1 orang), Pembantu Pustakawan Kanan (3 orang), Pembantu Pustakawan (2 orang) dan Pembantu Tadbir (1 orang). Manakalan dari September hingga Disember 2016, Seksyen Perolehan mempunyai lapan orang staf yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan (1 orang), Pustakawan Kanan (1 orang), Pustakawan Kanan (memangku, 1 orang), Pembantu Pustakawan Kanan (3 orang), Pembantu Pustakawan (1 orang) dan Pembantu Tadbir (1 orang). Pembahagian staf adalah seperti di gambar rajah di atas.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## UNIT BUKU

### 1.0 Pengenalan

Unit Buku dipertanggungjawabkan untuk memperolehi bahan-bahan monograf secara bercetak dan bahan media seperti buku, CD, *globe* dan lain-lain untuk dijadikan koleksi perpustakaan. Bahan rujukan ini akan diperolehi melalui pembelian yang menggunakan bajet mengurus universiti yang diperuntukkan kepada perpustakaan setiap tahun.

### 2.0 Pembangunan Koleksi

Bahan rujukan yang dipesan merupakan bahan yang telah dicadangkan oleh staf akademik dan akan dibekalkan oleh pembekal yang terpilih kepada Perpustakaan. Merujuk kepada Jadual 1, pada tahun 2016 Unit Buku telah diberikan peruntukkan semasa sebanyak **RM 260,000.00** bagi tujuan membeli bahan rujukan.

Jadual 1: Peruntukkan Buku 2016

| Perkara | (RM) |
|---|---|
| Peruntukkan Tahun Semasa 2016 | RM 260,000 |
| **Jumlah Peruntukkan Buku** | RM 260,000 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Unit Buku telah membelanjakan **100%** untuk perolehan bahan sebanyak **623 judul/ 646 naskah** daripada keseluruhan peruntukan RM260,000 **(623 judul/ 646 naskah).**

Jadual 2: Perbandingan Pesanan dan Penerimaan Mengikut Tahun

| 2016 | | |
|---|---|---|
| | Pesanan | Penerimaan |
| **Judul** | 623 | 623 |
| **Naskah** | 646 | 646 |
| **RM** | 260,000.00 | 263,352.32 |

## UNIT JURNAL

### 1.0 Pengenalan

Unit Jurnal berperanan untuk memperolehi serta memproses bahan terbitan berkala secara bercetak dan atas talian samada secara belian atau percuma. Koleksi ini dijadikan rujukan oleh semua warga UTeM dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

### 2.0 Jurnal/Majalah Bercetak (Langganan)

Pada tahun 2016, hanya **30 judul** jurnal/majalah terbitan dalam negara yang berada dalam koleksi Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diperbaharui bernilai **RM 4,184.14.** Manakala **198 judul** jurnal/majalah terbitan luar negara tidak diperbaharui kerana bajet tambahan diterima pada bulan September dan mengelakkan kelewatan proses pengeluaran pesanan tempatan pada hujung tahun. Maklumat seperti dijadual 3.

Jadual 3: Jurnal/Majalah Bercetak Terbitan Dalam dan Luar Negara

| PERKARA | BILANGAN JUDUL | PEMBAHARUAN LANGGANAN |
|---|---|---|
| **i. Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Luar Negara** | 198 | 0 |
| **ii. Jurnal/ Majalah Bercetak Terbitan Dalam Negara** | 30 | 30 |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### 3.0 Jurnal/Majalah Bercetak (Sumbangan)

Bagi tahun 2016, Perpustakaan UTeM menerima jurnal/majalah bercetak secara hadiah dan sumbangan sebanyak **174 judul / 294 naskah** yang diterima daripada pihak dalam dan luar UTeM.

## 4.0 Pangkalan Data Atas Talian

Jadual 4: Pangkalan Data 2016

| BIL. | JUDUL | PEMBEKAL |
|---|---|---|
| 1 | ACM Digital Library | Access Dunia |
| 2 | ASME Online Journals | Access Dunia |
| 3 | ASTM Standard | United Technology |
| 4 | Begell House | Access Dunia |
| 5 | Ebrary Academic Complete | Access Dunia |
| 6 | Emerald Management Extra Plus | Emerald |
| 7 | Engineering Village (EV) | Elsevier |
| 8 | EngNetBase | Access Dunia |
| 9 | IEEE Xplore | United Technology |
| 10 | Institute Of Physics Journal (IOP) | Access Dunia |
| 11 | Knovel | United Technology |
| 12 | McGraw-Hill's Access Engineering | Access Dunia |
| 13 | ScienceDirect | Elsevier |
| 14 | Serials Solutions Summon | Access Dunia |
| 15 | SIAM (Society for Industrial and Applied Mathematics) | Access Dunia |
| 16 | Turnitin Plagarism Prevention Module | Apex Knowledge |
| 17 | H.W.Wilson | Ebsco |
| 18 | Malaysian Standard (MS) Online System + SIRIM Membership | SIRIM |
| 19 | Ebscho (Business Source Complete) | Ebsco |
| 20 | Ebsco (Academic Search Premier) | Ebsco |
| 21 | ProQuest Dissertation & Theses | ProQuest |
| 22 | Scopus | EBSCO |

Petunjuk:

- Pangkalan Data Terbitan Luar Negara
- Pangkalan Data Terbitan Dalam Negara
- Pangkalan Data Komersil (Langanan Kementerian Pendidikan Malaysia)

Pada tahun 2016, semua pangkalan data telah dibuat pembaharuan langganan dengan bajet sebanyak **RM 2,111,776.87**

## UNIT KOLEKSI UTeM, HADIAH & PERTUKARAN

### 1.0 Pengenalan

Unit Koleksi UTeM Hadiah & Pertukaran merupakan unit yang turut sama menyumbang kepada pembangunan koleksi Perpustakaan. Objektif utama unit ini adalah memperolehi bahan daripada organisasi luar secara hadiah dan pertukaran serta mengumpul koleksi bahan yang dihasilkan oleh warga Universiti.

### 2.0 Bahan Sumbangan

Sehingga 31 Disember 2016, penerimaan bahan hadiah dan sumbangan adalah sebanyak **695 judul/ 974 naskah** yang diterima dari agensi luar seperti IPTA/S, jabatan kerajaan, swasta dan lain-lain lagi.

Jadual 5: Statistik Penerimaan Bahan Sumbangan Bagi Tahun 2016

| BIL | Bahan | PENCAPAIAN 2016 | |
|---|---|---|---|
| | | Judul | Naskah |
| 1 | Monograf | 432 | 541 |
| 2 | Jurnal/majalah bercetak | 174 | 294 |
| 3 | Laporan tahunan | 89 | 139 |
| | JUMLAH | 695 | 974 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 3.0 Koleksi UTeM

Koleksi UTeM adalah bahan-bahan yang diterbitkan oleh warga UTeM dan bahan-bahan yang berkaitan dengan UTeM diterbitkan oleh bukan warga UTeM. Sebanyak **3,547 judul/ 3,581 naskah** telah diterima sepanjang tahun 2016.

Jadual 6: Statistik Penerimaan Bahan Koleksi UTeM Bagi Tahun 2016

| BIL. | Bahan | PENCAPAIAN 2016 | |
|---|---|---|---|
| | | Judul | Naskah |
| 1 | Monograf | 29 | 53 |
| 2 | Kertas Seminar | 11 | 12 |
| 3 | Buletin | 7 | 15 |
| 4 | Tesis | 198 | 198 |
| 5 | Projek Sarjana Muda (PSM) | 2,343 | 2,343 |
| 6 | Kertas Soalan Peperiksaan | 894 | 894 |
| 7 | Teks Ucapan Naib Canselor | 26 | 26 |
| 8 | Pekeliling | 13 | 13 |
| 9 | Paten | 18 | 18 |
| 10 | Bahan Digital | 8 | 9 |
| | JUMLAH | 3,547 | 3,581 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KOLEKSI PERPUSTAKAAN 2016

### 1.0 Kumulatif Koleksi Perpustakaan UTeM Mengikut Jenis




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Jenis | Naskah | % |
|---|---|---|
| Monograf | 105,910 | 76% |
| Jurnal/ Majalah Berkala | 25,291 | 18% |
| Bahan Media/Digital | 9,071 | 6% |
| **Jumlah*** | **133,783** | **100%** |

* Tidak Termasuk Pangkalan Data

## 2.0 Kumulatif Koleksi Perpustakaan UTeM Bahan Monograf Mengikut Kategori




| Kategori | Naskah | % |
|---|---|---|
| Belian | 69,935 | 66% |
| Hadiah | 26,937 | 25% |
| Sumbangan | 9,038 | 8% |
| **Jumlah** | **102,226** | **100%** |

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 3.0 Kumulatif Koleksi Perpustakaan UTeM Bahan Jurnal/Majalah Mengikut Kategori




| Kategori | Naskah | % |
|---|---|---|
| Langganan | 13,980 | 55% |
| Hadiah | 3,605 | 14% |
| Berjilid | 7,706 | 31% |
| **Jumlah** | **23,752** | **100%** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 4.0 Kumulatif Koleksi Perpustakaan UTeM Bahan Digital Mengikut Kategori




| Kategori | Naskah | % |
|---|---|---|
| Belian | 7,446 | 82% |
| Hadiah | 1,625 | 18% |
| Jumlah | 7,805 | 100% |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PROJEK SEKSYEN PEROLEHAN 2016

### 1.0 Pengenalan

Dalam menangani masalah kekangan bajet, Bahagian Perolehan telah mengambil langkah strategik dengan melaksanakan Kempen Sumbangan Bahan bagi meningkatkan lagi koleksi perpustakaan yang sedia ada. Hasil daripada penerimaan kempen ini, bahan tersebut dijadikan koleksi perpustakaan dan diletakan di 'Free Reading Point'.

### 2.0 Kempen Sumbangan Buku

Kempen Sumbangan Buku yang bertemakan "Keep The Book Alive" merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat. Di samping itu juga, program ini adalah salah satu langkah bagi mempelbagaikan lagi koleksi bahan perpustakaan yang sedia ada dan satu jaringan perkongsian maklumat di antara pengguna dan perpustakaan. Daripada program ini, Perpustakaan UTeM telah menerima bahan sebanyak **118 judul/ 133 naskah** bagi buku dan **20 judul/ 20 naskah** bagi majalah.

Jadual 7: Statistik Penerimaan Bahan Kempen Sumbangan Buku 2016

| BIL. | Bahan | PENCAPAIAN 2015 | |
|---|---|---|---|
| | | Judul | Naskah |
| 1 | Monograf | 118 | 133 |
| 3 | Jurnal/ Majalah | 20 | 20 |
| | JUMLAH | 138 | 153 |

### 3.0 Free Reading Point

'Free Reading Point' diwujudkan di Ruang 24 Jam, Perpustakaan Induk dengan meletakkan bahan daripada Kempen Sumbangan Buku 2016 yang tidak dijadikan koleksi perpustakaan. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada warga UTeM untuk membudayakan sikap cintakan buku dan membaca buku walaupun di mana berada dan bila-bila masa sahaja. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah buku yang diletakan adalah sebanyak **122 judul/ 128 naskah.**

# SEKSYEN AUTOMASI

## UNIT SISTEM PERPUSTAKAAN, WEB DAN PERALATAN ICT

### PENGENALAN

Unit Sistem Perpustakaan, Web & Peralatan ICT merupakan unit di bawah Bahagian Pentadbiran, Kewangan & Automasi. Secara amnya, Unit Automasi mengurus dan menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

1. Menguruskan Sistem Perpustakaan iaitu ILMU (Integrated Library Management Utilities) bagi kegunaan staf dan juga pengguna perpustakaan.
2. Memastikan portal perpustakaan sentiasa berinformasi terkini dan mesra pengguna serta berfungsi supaya dapat diakses oleh semua pengguna perpustakaan.
3. Mengenalpasti sistem, keperluan dan peralatan yang memberi manfaat kepada staf dan juga pengguna perpustakaan.
4. Menyokong perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dengan memastikan sistem perpustakaan sentiasa berfungsi dengan baik.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### STAF



**STATUS PENCAPAIAN TERPERINCI PERANCANGAN STRATEGIK 2016**

**UNIT SISTEM PERPUSTAKAAN, WEB & PERALATAN ICT**

| BIL. | SASARAN/PROJEK/ PROGRAM | CAPAIAN 2016/KPI | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Mewujudkan 1 menu research resources di portal perpustakaan | 100% selesai | Menu "Research Resources" telah diwujudkan di portal perpustakaan pada 22/01/2016   |
| 2. | Mewujudkan paparan senarai bahan bidang teknousahawanan di portal perpustakaan | 100% selesai | Menu "Bibliography Listing" bagi bahan teknousahawanan telah diwujudkan di portal perpustakaan pada 27/05/2016  |
| 3. | Mewujudkan pautan katalog koleksi Melaka di Portal eMelaka | 100% selesai | Katalog Koleksi Melaka telah diwujudkan pada 14/04/2016 di portal e-Melaka bagi paparan senarai Koleksi Melaka |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | |  |
| 4. | Mewujudkan senarai bahan baru di portal perpustakaan | 100% selesai | Menu 'New Books' telah diwujudkan di portal perpustakaan pada 24/03/2016 bagi paparan senarai bahan baru<br> |
| 5. | Menaiktaraf portal perpustakaan mengikut versi terkini dengan paparan yang lebih interaktif dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna | 100% selesai | - Telah menaiktaraf Portal Perpustakaan ke versi Joomla! 3.5.1 dengan paparan yang lebih interaktif, mesra pengguna serta pautan pantas<br>- Link kepada pencarian bahan atas talian WebOPAC 2.0 dan OCLC WorldCat Discovery Services<br>- Portal perpustakaan baharu telah boleh diakses sepenuhnya pada 5 Disember 2016 di http://library.utem.edu.my<br>- Pemakluman capaian ke portal perpustakaan baharu telah dibuat melalui info UTeM pada 5 Disember 2016 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | - Jumlah capaian ke portal perpustakaan dari 1 Januari hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak 282,158 dari sasaran 2016 iaitu sebanyak 326,340 ( rujuk Statistik Pengguna Portal perpustakaan 2016 di mukasurat 5)<br><br> |
| 6. | Pemasangan Flap Barrier Gate di Perpustakaan Kampus Induk UTeM | 100% selesai | - Pemasangan flap barrier gate & latihan penggunaan di Perpustakaan Kampus Induk UTeM telah dilaksanakan dari 25 Mei hingga 14 Jun 2016<br>- Pemakluman penggunaan flap barrier gate di Perpustakaan Kampus Induk telah dibuat melalui info UTeM pada 5 Disember 2016<br> |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | Perancangan Pembangunan Sistem Perpustakaan KOHA | 100% selesai | Fasa I<br><br>- Menghadiri Bengkel Sistem Perpustakaan KOHA di Pusat Eureka, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 25 & 26 Ogos 2016<br>- Perjumpaan dengan wakil Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) berkenaan kerjasama melaksanakan perancangan pembangunan sistem perpustakaan KOHA PADA 24 November 2016<br>- Kertas kerja Perancangan Pembangunan Sistem Perpustakaan KOHA di Perpustakaan UTeM telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Maklumat pada 23 Disember 2016 dan dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Bil.10/2016 pada 27 Disember 2016 |

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Pengguna Portal Perpustakaan**

Statistik pengguna portal perpustakaan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 282,158 iaitu penurunun sebanyak 20,458 capaian berbanding bagi tahun 2015 sebanyak 302,616. Capaian bagi tahun 2016 juga tidak mencapai sasaran pengguna portal perpustakaan yang ditetapkan iaitu 326,340 iaitu kekurangan 44,182 capaian. Aktiviti mempromosikan portal perpustakaan perlu dipergiatkan lagi seiring dengan proses menaiktaraf portal perpustakaan yang baharu. Berikut adalah statistik kunjungan pengguna ke Portal Perpustakaan bagi tahun 2016.




**AKTIVITI BAHARU UNIT SISTEM PERPUSTAKAAN, WEB & PERALATAN ICT**

| BIL. | PROJEK/PROGRAM | CATATAN |
|---|---|---|
| 1. | WorldCat Discovery Services OCLC | - Pendaftaran akaun, eResources dan konfigurasi telah dilaksanakan melalui :<br><br>• Search WorldCat Discovery Services : http://utem.on.worldcat.org<br>• Create account/eResources : https://utem.share.worldcat.org https://utem.share.worldcat.org/wms<br>• Konfigurasi : http://worldcat.org/cofig<br>• Upload files (batchloading) : http://psw.oclc.org<br><br>- Lampiran username & password untuk semua Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan Unit Perolehan & Pengindeksan bagi 'staf sign in' OCLC WorldCat Discovery Services telah diemelkan pada 22 September 2016<br>- Sesi latihan Training for Trainers (TOT) untuk OCLC WorldCat Discovery Services telah diadakan pada 28 September 2016<br>- Proses batchloadoading MARC Record telah dibuat sebanyak 63,844 rekod (dari tahun 2005 hingga 2010) pada 15 Ogos 2016 dan sebanyak 34,076 rekod (dari tahun 2012 hingga 31 Julai 2016) pada 16 Ogos 2016. Jumlah keseluruhan rekod : 97,920 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| | |  |
| 2. | Memuatnaik Rekod Bibliografi dalam MALCat (Malaysian Academic Library Union Catalog) | - Rekod bibliografi dalam format ISO 2709 telah dimuatnaik ke dalam sistem MALCat – Upload MARC Records pada 9 Ogos 2016 sebanyak 20,748 rekod. Pada 23 November 2016, sebanyak 1,945 rekod telah dimuatnaik<br>- Capaian ke MALCat – Upload MARC Records : http://e;ib.uum.edu.my/send/index.php<br> |
| 3. | Memuatnaik Rekod Tesis dalam MyTo (Malaysian Theses Online) | - Rekod tesis telah dimuatnaik ke dalam sistem MyTo pada 23 November 2016 sebanyak 659 rekod<br>- Capaian ke Login Admin MyTo : http://myto.edu.my/myTO/myto.html |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | | |
|---|---|---|
| | |  |
| 4. | Perolehan laptop & printer | - 3 unit laptop baharu berjenama Dell Latitude 3470 telah diperolehi daripada Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) pada 8 November 2016<br>- Printer sewaan Canon telah ditempatkan di Perpustakaan Kampus Induk dan Kampus Teknologi pada 16 Mei 2016. Manakala bagi Perpustakaan Kampus Bandar pada 22 Julai 2016 |
| 5. | RDA Bibliogrphic Records | Membantu dari segi teknikal penetapan format RDA Bibliogrphic Records dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (SPPB) - ILMU bagi implementasi di Unit Pengindeksan |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## AKTIVTI BERTERUSAN UNIT SISTEM PERPUSTAKAAN, WEB & PERALATAN ICT

**Penyelenggaraan sistem perpustakaan, peralatan, perkakasan dan perisian**

Penyelenggaraan sistem perpustakaan dan peralatan dilaksanakan pada setiap bulan . Pihak Paradigm System Berhad telah melaksanakan penyelenggaraan sistem ILMU tahunan pada :

i. 16 & 17 Mac 2016
ii. 23 & 24 Mei 2016 ( proses menaiktaraf perisian sistem ILMU versi 2015)
iii. 29 September 2015
iv. 25 November 2015

Unit Sistem Perpustakaan, Web & Peralatan ICT juga telah menguruskan 'back up' data sistem ILMU sebanyak 48 kali.

Unit Sistem Perpustakaan, Web & Peralatan ICT juga telah mengadakan perbincangan dengan wakil setiap bahagian bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan permasalahan dan cadangan penambahbaikan sistem ILMU pada :-

i. 15 Mac 2016
ii. 16 Jun 2016 (Perbincangan khusus RDA Bibliographic Records bersama Unit Pengindeksan)
iii. 28 September 2016 (Perbincangan khusus bersama Unit Sirkulasi)
iv. 2 Disember 2016 (Perbincangan bersama wakil Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sejumlah 74 aduan/laporan kepada pihak Paradigm System Berhad dimajukan melalui sistem u-searie dan berjaya diselesaikan.

Pihak Pintaran IT Sdn. Bhd. telah membuat penyelengaraan berdasarkan kerosakan pada Self Check Machine, Bookdrop dan Security Gate di Perpustakaan kampus Induk, Teknologi dan Bandar pada :

i. 18 Februari 2016
ii. 4 Mac 2016
iii. 10 Jun 2016
iv. 14 Jun 2016

Pada 7 & 30 November 2016, Unit Sistem Perpustakaan, Web & Peralatan ICT telah membuat pengemaskinian senarai peralatan di bawah penyeliaan unit. Disamping itu, pelupusan 3 unit laptop telah dilaksanakan pada 11 Mei 2016. Unit Sistem Perpustakaan, Web & Peralatan ICT

juga telah membuat keperluan perisian bagi tahun 2017 – 2018 dan telah kemukakan kepada pihak Pusat Perkhidmatan, Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) pada 8 November 2016. Berikut adalah senarai peralatan dan perkakasan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang telah dipertanggungjawabkan di bawah pengawasan Unit Automasi.

- PC Staf – 66 Unit
- PC Pelajar – 111 Unit
- PC Kaunter – 26 Unit
- Komputer Riba – 5 Unit
- Printer – 28 Unit
- Scanner – 9 Unit
- Server – 6 Unit
- RFID Staff Station – 7 Unit
- Selfcheck Mchine – 3
- Handheld Reader – 1
- Bookdrop Station – 3
- Security Gate – 8 panel
- Flap Barrier Gate – 3 panel

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Penggunaan EZProxy

Statistik pengguna portal perpustakaan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 282,158 iaitu penurunun sebanyak 20,458 capaian berbanding bagi tahun 2015 sebanyak 302,616. Capaian bagi tahun 2016 juga tidak mencapai sasaran pengguna portal perpustakaan yang ditetapkan iaitu 326,340 iaitu kekurangan 44,182 capaian. Aktiviti mempromosikan portal perpustakaan perlu dipergiatkan lagi seiring dengan proses menaiktaraf portal perpustakaan yang baharu. Berikut adalah statistik kunjungan pengguna ke Portal Perpustakaan bagi tahun 2016.




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UNIT KOLEKSI DIGITAL DAN APLIKASI PERPUSTAAN

## PENGENALAN

Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan merupakan suatu unit yang melaksanakan proses pendigitalan bagi pembangunan koleksi bahan digital atas talian perpustakaan. Sejajar dengan fungsi Perpustakaan sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan pemuliharaan maklumat saintifik dan penyelidikan yang dihasilkan oleh semua staf akademik, penyelidik, pelajar dan warga UTeM, Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan merupakan satu inisiatif yang diwujudkan bagi memastikan aktiviti pendigitalan yang dijalankan dirancang dan diuruskan secara sistematik serta mengikut format dan tatacara yang telah ditetapkan.

Pemeliharaan harta intelek UTeM ini melibatkan semua hasil penyelidikan da bukan penyelidikan UTeM seperti artikel, kertas seminar, buku, bab dalam buku, laporan penyelidikan, Tesis (Sarjana, PhD.) dan Projek Sarjana Muda (PSM) serta koleksi UTeM seperti Teks Ucapan Naib Canselor dan gambar-gambar peristiwa serta semua koleksi bahan UTeM yang lain yang akan disimpan dalam format digital dan dapat diaskes secara dalam talian.

Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan juga merancang, mengkaji dan serta mementukan keperluan aplikasi dalaman yang menyokong perkhidmatan perpustakaan Kampus Induk, Kampus Teknologi dan Kampus Bandar.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna, Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan berfungsi mengurus, menyelenggara dan menaiktaraf aplikasi-aplikasi perpustakaan dan penambahbaikan bagi sistem sedia ada dan 3 aplikasi dalaman yang baru seperti

a. Tempahan Bilik/Ruang Dalam Talian (Supersaas)
b. Pendaftaran Komputer (Cybera)
c. 'Bookshelf Navigator'
d. Sistem Meja Penasihat Pengguna
e. Sistem Perangkaan
f. Video e-Guide

Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan diketuai oleh seorang Pustakawan Kanan, seorang Penolong Pustakawan dan 3 orang pembantu Perpustakaan. Tenaga kerja Unit Koleksi Digital & Aplikasi Perpustakaan terdiri daripada:

I. **Pustakawan Kanan**
   Nurul Akmar Mehat

II. **Pembantu Perpustakaan**
   Mohd Hannif bin Jamaludin

   Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi

   Nor Aini binti Md Jali

UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## LAPORAN PENCAPAIAN UNIT KOLEKSI DIGITAL & APLIKASI PERPUSTAKAAN 2016

### 1.0 PENDIGITALAN BAHAN

### 1.1 Penerimaan Bahan

Sehingga **31 Disember 2016**, Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan telah menerima sebanyak **2,957 judul** yang merangkumi Projek Sarjana Muda (PSM), Projek Jangka Panjang/Pendek, tesis, Teks Ucapan Naib Canselor, artikel, buku, video, paten, kertas peperiksaan dan nota kursus. Jadual di bawah adalah perincian jumlah penerimaan bahan mengikut kategori bahan.

| | CDR | PSM BUKU | TESIS BUKU | PJP BUKU | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | BAHAN KOLEKSI KHAS (BUKU) | HADIAH (CDR ASAL) | PATEN | ARTIKEL | KERTAS SEMINAR | LAPORAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **MAC** | 589 | 47 | 4 | 4 | 0 | 64 | 0 | 1 | 0 | 0 | 8 | 0 | 0 | 717 |
| **APR** | 152 | 0 | 0 | 0 | 166 | 0 | 89 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 407 |
| **MEI** | 36 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 36 |
| **JUN** | 132 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 140 |
| **JUL** | 43 | 8 | 0 | 0 | 377 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 428 |
| **OGS** | 21 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 5 | 0 | 6 | 0 | 0 | 71 |
| **SEPT** | 99 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 101 |
| **OKT** | 63 | 19 | 0 | 0 | 341 | 31 | 24 | 0 | 0 | 18 | 1 | 2 | 0 | 499 |
| **NOV** | 90 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 466 | 0 | 0 | 558 |
| **JUM** | **1225** | **119** | **4** | **4** | **884** | **95** | **113** | **4** | **6** | **18** | **481** | 2 | 2 | **2957** |

**Jadual 1: Penerimaan Bahan Bagi Mac-Disember 2016**




**Graf 1: Statistik Penerimaan Bahan Mac-Disember 2016**

## 1.2 Pengeluaran Bahan

Pengeluaran bahan di Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan meliputi penghantaran bahan yang telah siap dimuatnaik dan disahkan serta bahan yang telah . Penghantaran bahan terdiri daripada bahan-bahan Projek Sarjana Muda, PJP, Tesis, dan semua bahan yang diterima ( yang tidak perlu dijilid) ke Unit Sirkulasi atau Unit Media. Bagi bahan yang perlu dijilid seperti Kertas Peperiksaan dan Nota Kursus akan dihantar ke Unit Perolehan. Jumlah pengeluaran bahan oleh Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan bermula Mac sehingga Ogos 2016 adalah sebanyak **2,636 judul**. Jumlah ini merangkumi bahan monograf seperti artikel, Projek Sarjana Muda, Projek Jangka Panjang/Pendek, tesis, kertas peperiksaan, kertas seminar, paten, buku, seksyen buku dan Teks Ucapan Naib Canselor. Perincian adalah seperti di dalam jadual di bawah:

| | CDR | PSM BUKU | TESIS BUKU | PJP BUKU | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | HADIAH (CDR ASAL) | PATEN | ARTIKEL | BAHAN KOLEKSI KHAS (BUKU) | KERTAS SEMINAR | LAPORAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **MAC** | 0 | 23 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 8 | 1 | 0 | 0 | 32 |
| **APR** | 271 | 18 | 1 | 1 | 0 | 0 | 52 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 343 |
| **MEI** | 245 | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 248 |
| **JUN** | 162 | 0 | 0 | 0 | 109 | 0 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 308 |
| **JUL** | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **OGS** | 137 | 29 | 2 | 1 | 143 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 318 |
| **SEPT** | 65 | 3 | 0 | 0 | 291 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 359 |
| **OKT** | 136 | 0 | 0 | 0 | 0 | 64 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 200 |
| **NOV** | 111 | 46 | 0 | 0 | 117 | 31 | 24 | 0 | 18 | 73 | 2 | 2 | 2 | 426 |
| **DIS** | 98 | 0 | 0 | 0 | 224 | 0 | 0 | 6 | 0 | 73 | 1 | 0 | 0 | 402 |
| **JUM** | **1225** | **119** | **4** | **4** | **884** | **95** | **113** | **6** | **18** | **160** | **4** | 2 | 2 | **2636** |

**Jadual 2: Jumlah pengeluaran bahan bagi bulan Mac hingga Disember 2016**

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Graf 2: Jumlah pengeluaran bahan bagi bulan Mac hingga Disember 2016**

## 1.3 Statistik Keseluruhan

**Jadual 3: Jumlah keseluruhan bahan Mac hingga Disember 2016**

| | CDR | PSM BUKU | TESIS BUKU | PJP BUKU | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | ARTIKEL | BAHAN KOLEKSI KHAS | HADIAH (CDR ASAL) | PATEN | KERTAS SEMINAR | LAPORAN | JUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **TERIMA** | 1225 | 119 | 4 | 4 | 884 | 95 | 113 | 481 | 4 | 6 | 18 | 2 | 2 | 2957 |
| **KELUAR** | 1225 | 119 | 4 | 4 | 884 | 95 | 113 | 160 | 4 | 6 | 18 | 2 | 2 | 2636 2847 |
| **BAKI** | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 321 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 321 |

Secara keseluruhannya, peratus pencapaian Unit Koleksi Digital & Aplikasi Perpustakaan adalah sebanyak **89.14 %**. Ini adalah kerana, semua bahan yang diterima telah diproses dan dikeluarkan untuk rujukan pengguna. Namun begitu, bahan yang masih berbaki untuk diproses pada tahun 2017 adalah artikel iaitu sebanyak 321 judul. Artikel ini pada amnya adalah usaha Unit Koleksi Digital & Aplikasi Perpustakaan untuk menaikkan ranking UTeM IR di dalam World Ranking Web of Repositories di mana unit ini telah berbincang bersama Unit Penyelidikan untuk mendapatkan senarai hasil penulisan para penyelidik UTeM yang telah dimasukkan di dalam Scopus ataupun Web of Science. Inisiatif ini diambil sebagai salah satu langkah dalam memuatnaik artikel penyelidik selain daripada perpindahan data melalui Sistem URIS. Oleh kerana penerimaan artikel ini sebanyak 481 artikel pada bulan November 2016, proses muatnaik untuk artikel-artikel ini tidak dapat diselesaikan pada bulan Disember 2016 dan akan disambung pada tahun 2017. Bahan-bahan lain telah selesai dimuatnaik ke dalam UTeM IR sementara kertas peperiksaan pula telah berjaya didigitalkan untuk rujukan pengguna.

## 2.0 Aplikasi Dalaman

### 2.1 Sistem Meja Penasihat Pengguna (MPP)

Sistem Meja Penasihat Pengguna (MPP) telah dibangunkan oleh pelajar praktikal dengan kerjasama Unit Automasi pada 30 Jun 2015 bertujuan untuk kemudahan pegwai yang bertugas merekodkan laporan harian, borang pertanyaan dan rujukan jadual bertugas secara sistematik. Sistem ini telah digunapakai di Meja Penasihat Pengguna oleh semua Pustakawan yang bertugas bagi melaporkan aktiviti atau maklumat-maklumat yang diperolehi sepanjang bertugas di Meja Penasihat Pengguna.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 2.2 Library Navigator

Library Navigator pada mulanya dikenali sebagai Bookshelf Navigator kerana aplikasi yang dibuat adalah penunjuk arah ke rak-rak bahan yang terdapat di perpustakaan. Aplikasi ini akan membantu dan membawa pengguna ke rak yang mereka inginkan bagi memperolehi bahan yang diperlukan. Unit Koleksi Digital & Aplikasi Perpustakaan kemudiannya, merancang untuk meluaskan lagi penggunaan aplikasi Bookshelf Navigator ini dengan memperluaskan kegunaanya kepada pencarian bilik/ruang yang disediakan di dalam perpustakaan untuk kegunaan pengguna. Justeru itu, dengan kerjasama pelajar-pelajar praktikal, aplikasi ini diperluaskan lagiu dengan pandu arah ke semua bilik-bilik seperti, ruang tayang, smart room, bilik pangkalan data, bilik seminar, bilik pasca siswazah, bilik bincang, bilik tayangan dan bilik karel. Dengan adanya aplikasi ini, pengguna tidak perlu lagi bersusah payah mencari lokasi ruang/bilik ini, apa yang diperlukan hanyalah menggunakan navigator ini yang akan memandu arah mereka ke bilik/ruang yang mereka inginkan. Dengan variasinya navigator ini, ianya telah ditukarkan kepada Library Navigator yang membawa maksud yang lebih meluas kegunaannya.

## 2.3 Sistem Perangkaan

Masih di peringkat development antaramuka bagi sistem ini. Buat masa ini, bagi sistem perangkaan, satu template yang sedang dibangunkan adalah di http://eguide.trial.resourcespace.com/pages/home.php .Semua 'folder' dan 'php script' yang terdapat di dalam template telah dipindahkan ke dalam server sedia ada iaitu Server Sistem ILMU melalui WinScp, namun apabila dipindahkan beberapa masalah timbul disebabkan version 'php script' yang digunapakai bagi template berkenaan tidak 'compatible' dengan server tersebut. Ini adalah kerana spesifikasi server sedia ada tidak dapat menyokong versi script berkenaan. Projek ini akan dibincangkan semula dengan wakil PPPK sama ada masih relevan atau akan menggunapakai format / platform yang sama seperti yang dipraktikkan di PPPK iaitu dengan pengiraan jam ataupun 'star ratings'.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 2.4 Video e-Guide

Masih di peringkat menghasilkan satu aplikasi multimedia bagi mempamerkan video-video yang telah dihasilkan. Pada peringkat permulaan, perisian multimedia yang digunapakai adalah Macromedia Director 8.5. Namun begitu, perisian tersebut telah menyebabkan data dan sistem lain tergendala. Justeru, satu perisian lain akan digunapakai iaitu Dreamweaver. Sehingga July, sebanyak 4 video yang telah dihasilkan iaitu cara-cara membuat tempahan bahan, pembaharuan bahan, pemulangan bahan dan pencarian kertas peperiksaan. Penghasilan video ini adalah dengan menggunakan perisian Camtasia. Selain itu, semua gambar 'step' menggunakan perkhidmatan perpustakaan seperti tatacara penggunaan 'bookdrop', mesin layan diri, pinjaman bahan, tempahan dan pembaharuan bahan juga telah dihasilkan.

Template yang baru telah dihasilkan hampir 40%. Namun terdapat beberapa masalah teknikal dan telah dirujuk kepada wakil PPPK. Namun begitu, setelah perbincangan dibuat bersama dengan wakil PPPk tersebut, dicadangkan projek ini dijadikan kiosk dan dijalankan secara fasa pada tahun depan bersama-sama dengan wakil PPPK.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 2.5 URIS-Eprints

Sehingga **Disember 2016**, sebanyak **600 data** yang ada di dalam server URIS telah dipindahkan ke 3rd party sistem. Sebanyak **250 data** telah di'extract' daripada Sistem URIS. Data yang berjaya dipindahkan hanyalah **182 data** sahaja namun hanya **60 data** sahaja yang lengkap. Jumlah artikel bagi **2016** yang telah diselesaikan adalah sebanyak **61 judul**.

**PENUTUP**

Secara keseluruhannya, Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa perancangan yang melibatkan kepakaran sistem yang mengakibatkan proses menyelesaikan masalah teknikal terpaksa mendapat kerjasama daripada pihak lain. Selain itu, masalah 'low server specs' juga menjadi halangan utama di mana 'storage' yang agak terhad mengakibatkan beberapa perancangan memasang beberapa aplikasi terpaksa digugurkan dan dirujuk kepada Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi.

Dalam mencapai sasaran yang telah dirancang, Unit Koleksi Digital & Aplikasi Perpustakaan sentiasa berusaha untuk mencapai target atau sasaran yang telah dirancang dan ditetapkan. Banyak perkara yang masih lagi perlu diperbaiki terutama dari segi proses dan penghasilan kerja memandangkan ini merupakan tahun pertama unit ini ditubuhkan di Perpustakaan UTeM. Walaubagaimanapun, setakat ini, Unit Koleksi Digital Dan Aplikasi Perpustakaan dapat menjalankan proses pendigitalan dan menguruskan aplikasi perpustakaan dengan baik dan lancar.

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA